كَيْفَ تَكُونُ غَنِيًّا

BAGAIMANAKAH KAMU INGIN MENJADI KAYA

(MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM)

AL-HABIB MUHAMMAD BIN ALAWI BIN UMAR AL-EYDARUS BA'ALAWI

Terkenal dengan panggilan
AL-HABIB SA'AD AL-EYDARUS

Terjemahan
MUHAMMAD NA'IM MD SALLEH

Hak cipta terpelihara.

Cetakan Pertama Tahun 2020

Setiap bahagian dalam penerbitan ini tidak dibenarkan untuk diterbit dan disebarkan dalam sebarang bentuk keadaan tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis secara rasmi daripada penerbit.

Penterjemah telah mendapat ijazah kitab-kitab penulis ketika menziarahi beliau pada tahun 2010 semasa mengikuti Daurah di Dar Al-Mustafa, Tarim Hadralmaut,Yaman.

Penterjemah:
Muhammad Na'im Bin Md Salleh

Penyunting:
Mursyidah Binti Ramli

Diterbitkan oleh:
PUSAT PENGAJIAN DAR AL-FAQEEH
NO 843, JALAN BUKIT PUTERI 11/20, BANDAR PUTERI JAYA,
08000 SUNGAI PETANI
NO TEL: 019-3441802 / 010-5570709

ISI KANDUNGAN

Muqaddimah	5
Pengenalan Al-Habib Sa’ad Al-Aydarus	7
Pendahuluan	9
Pekerjaan yang terpuji	16
Pekerjaan yang tercela	20
Kisah para sahabat Radiyallahu 'Anhu	22
Kunci-kunci rezeki dan sebab-sebab kekayaan	28
Taqwa dan Istiqamah	28
Syukur	31
Al-Quran	35
Zikir	52
Doa	56
Al-Istigfar	67
Selawat ke atas rasulullah	72
Solat	75
Sedekah	77
Silaturrahim	78

Akhlak baik	79
Al-Qana’ah	81
Berpagi-pagian dalam mencari rezeki	84
Tetamu dan memuliakan mereka	86
Amalan orang soleh terdahulu	88
Cara melunaskan hutang	101
Perkara yang mewarisi kefakiran	102
Penutup	105

MUQADDIMAH

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام علي سيدنا مُحَمَّد وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد:

Memliki harta adalah impian setiap manusia. Hanya yang membezakannya adalah niat atau tujuan mereka dalam mengumpulkan harta itu. Sememangnya ia adalah fitrah semulajadi bagi penciptaan manusia sebagaimana yang telah disebutkan oleh Allah di dalam surah Ãli Ìmrõn ayat 14:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلۡبَنِينَ وَٱلۡقَنَٰطِيرِ ٱلۡمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلۡفِضَّةِ وَٱلۡخَيۡلِ ٱلۡمُسَوَّمَةِ وَٱلۡأَنۡعَٰمِ وَٱلۡحَرۡثِۗ ذَٰلِكَ مَتَٰعُ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَاۖ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسۡنُ ٱلۡمَـَٔابِ

"Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: Kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga)."

Akan tetapi, kecintaan hanya kepada harta benda tanpa dihubungkan dengan kehidupan akhirat adalah suatu perkara yang membahayakan dan terhina. Kerana itu di penghujung ayat di atas, Allah mengingatkan kita tentang tempat tinggal yang abadi iaitu syurga, ianya jauh lebih baik dari apa yang diimpikan oleh setiap manusia di atas dunia ini.

Maka ini adalah satu naskhah terjemahan yang membahaskan tentang bagaimanakah kita ingin memiliki kekayaan mengikut perspektif Islam, yang mana pada hari ini ramai dari kalangan kita tidak mengambil pedulikannya dan tidak mengetahui cara yang telah ditunjukkan oleh agama.

Semoga sesiapa yang membaca naskhah terjemahan ini diberikan taufiq dan kekuatan daripada Allah untuk mengamalkannya serta diberikan kelapangan rezeki yang mencurah-curah untuk kebahagiaan dunia dan akhiratnya.

Semoga terjemahan ini menjadi ganjaran pahala yang berterusan buat penulis Al-Habib Sa'ad Al-Eydarus, diri al-faqir, emak Norbibah Md Nor dan abah Md Salleh Salaimarn serta ummi Zurina Nordi dan abah Ramli Mohamad Ishak, isteri Mursyidah Ramli dan anak-anak. Semoga Allah memberkati kita semuanya.

Khodimul Ilmi.
Muhammad Na'im Md Salleh

PENGENALAN

AL-HABIB SAAD AL-AYDIRUS

Al-Habib Muhammad bin ‘Alawi Al-Aydirus Ba'alawi atau lebih dikenali dengan panggilan Al-Habib Sa’ad telah dilahirkan di Tarim, Hadralmaut, Yaman pada tahun 1351H. Beliau menetap dan menimba ilmu daripada sekalian para ulamak di sana khususnya di Ribat, Tarim. Guru beliau antaranya ialah Al-Habib 'Alawi bin Syihab dan Al-Habib Muhammad bin Salim bin Hafiz.

Setelah tamat pengajian, beliau berpindah ke 'Adn untuk mencari sedikit keperluan hidup tetapi di sana beliau berhadapan dengan kekerasan kelompok Komunis sehingga beliau dimasukkan ke dalam penjara selama empat tahun. Ketika itulah beliau mempelajari ilmu Al-Quran dan menghafalnya.

Beliau kembali ke Tarim dan ditempatkan pada kedudukan yang mulia sebagai imam Masjid Al-Imam Al-Saqqaf serta menjadi guru Al-Quran di Qubbah Abu Maryam. Anak murid beliau antaranya ialah Al-Habib Umar bin Hafiz ibn Syeikh Abu Bakar bin Salim dan Al-Habib Ali Zainal Abidin Al-Jufri.

Beliau adalah seorang yang sangat cinta kepada pembacaan dan penulisan. Beliau telah menulis hampir tujuh puluh buah buku dan

banyak mengikuti persidangan perbincangan ilmiah di serata tempat. Sesungguhnya beliau adalah seorang yang alim, murabbi, sasterawan, pengkaji, luas ilmu pengetahuan dan sangat suka membantu penuntut ilmu agama.

Pada tanggal 6 Oktober 2011M bersamaan 9 Zulkaedah 1432H, beliau telah kembali ke rahmatullah setelah hampir 40 tahun berkhidmat dalam mencurahkan ilmu agama terutamanya dalam bidang Al-Quran.

Sumbangan beliau dalam bidang ilmu sangat luas, antara karangan beliau adalah:

1. Al-Ayãt Al-Mutasyãbihãt Wal Mutamãthilãt Wal Mutaqõribãt.
2. Kalimãt Fì Ad-Dãrijah Bi Madìnah Tarìm.
3. Natfu Az-Zaman Fi Akhbar Ma Qod Kana
4. Khawwas Asma Allah Al-Husna
5. Fawaaid Min Al-'Eijaz Al-Qurani
6. An-Niyyãt.
7. Ihyã' As-Sunan Al-Mahjûrah.
8. Mukhtãrãt Min Kalãm Al-Imãm Al-Haddãd.
9. 'Eilãj An-Nisyãn (Sudah diterbitkan.)
10. Kaifa Takûnu Ghoniyyan. (Inilah terjemahannya.)

dan banyak lagi.

PENDAHULUAN

Segala puji bagi Allah pemilik kemuliaan dan keagungan. Dialah yang menetapkan rezeki serta menentukan ajal. Dia jugalah sentiasa mengajak hamba-Nya ke arah mendapatkan rezeki yang halal.

Aku memuji-Nya atas segala nikmat dan kelebihan serta bersyukur kepada-Nya di atas pemberian yang tidak pernah putus dalam setiap hal dan keadaan. Selawat dan salam ke atas utusan-Nya Saidina Muhammad ﷺ yang memberi petunjuk dan penyeru kepada akhlak terpuji serta sifat yang mulia.

Sesungguhnya Islam sentiasa mengajak umatnya mencari dan berusaha mendapatkan rezeki seperti dalam firman Allah ﷻ:

هُوَ ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولا فَٱمْشُواْ فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُواْ مِن رِّزْقِهِۦ وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ

"Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah dari rezki-Nya, dan hanya kepada-Nya-lah kamu (kembali setelah) dibangkitkan."[1]

[1] Surah al-Mulk : 15

Allah ﷻ telah menjadikan perkerjaan dalam mencari rezeki yang halal merupakan suatu bentuk ibadah yang amat disukai-Nya. Mereka yang berusaha untuk mencari rezeki yang halal akan diberikan pahala seperti yang disebutkan di dalam satu hadith Nabi ﷺ, Baginda bersabda:

إِنَّ اللهَ يُحِبُّ المؤمِنَ المحترِف

Maksudnya:
"*Sesungguhnya Allah menyukai orang mukmin yang professional.*"

Apabila niat dan tujuan seorang mukmin itu baik, maka dia akan diberikan pahala mengikut apa yang telah diusahakannya. Seorang mukmin itu adalah seperti seorang yang berperang di jalan Allah. Oleh kerana itu dia perlu memperbanyakkan doa kepada Allah, agar dikurniakan kekuatan dan dipertambahkan keberkatan padanya.

كُلٌّ مُيَسَّرٌ لما خُلِق لَه

Maksudnya:
"Semuanya dipermudahkan terhadap sesuatu yang telah ditentukan."

Di sini aku telah mengumpulkan beberapa amalan yang menjadi penyebab kepada turunnya rezeki dan kekayaan. Semuanya dengan izin Allah ﷻ. Amalan ini *thabit* daripada Al-Quran, Al-Hadith dan amalan para ulamak terdahulu. Jika seseorang itu mengamalkannya dengan penuh keazaman dan keyakinan serta niat yang baik pasti dia akan mendapat manfaat dan merasai fadhilatnya dengan izin Allah Taala.

Allah berfirman:

قَدۡ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَيۡءٖ قَدۡرٗا

Maksudnya:
"Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu."[1]

Sesungguhnya di antara rahmat Allah ﷻ itu adalah Dia membenarkan setiap makhluk-Nya mencari rezeki. Dia tidak pernah menyusahkan makhluknya dengan melarang sesuatu yang telah menjadi tabiat bagi diri mereka.

Allah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ كُلُواْ مِمَّا فِي ٱلۡأَرۡضِ حَلَٰلٗا طَيِّبٗا

[1] Surah Al-Toloq: 3

Maksudnya:

"Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik daripada apa yang terdapat di bumi.."[1]

Allah berfirman:

رِجَال لَّا تُلۡهِيهِمۡ تِجَٰرَة وَلَا بَيۡعٌ عَن ذِكۡرِ ٱللَّهِ

Maksudnya:

"Para lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual beli dari mengingati Allah.."[2]

Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

أَطيَب مَا أَكل المؤمِن مِن كَسبِ يَدَيهِ

Maksudnya:

"Sebaik-baik apa yang dimakan oleh orang mukmin adalah daripada usaha tangannya sendiri."[3]

Inilah dalil yang mengharuskan kita bergerak mencari rezeki yang halal. Mereka yang bekerja adalah dari kalangan mereka yang mengamalkan wasiat Al-Quran dan sunnah Rasulullah ﷺ serta menyelusuri jejak langkah para sahabat yang agung.

---

[1] Surah Al-Baqoroh: 168.
[2] Surah An-Nur: 37
[3] Riwayat Al-Hakim: 10/2 dan Al-Bazzar: 1257 dengan sanad jayyid.

Oleh kerana itu, sesiapa yang mencari rezeki kerana ingin memuliakan agama dan menjaga dirinya daripada melampaui batas-batas agama serta bersifat warak dalam setiap pekerjaan dan peniagaan, sesungguhnya ketika itu dia berada di dalam ketaatan kepada Allah dan setiap perbuatannya itu adalah satu pujian di sisi ahli ilmu.

Adapun mereka yang tidak mengikuti walaupun satu daripada sifat yang telah disebutkan di atas tadi, sesungguhnya dia telah berlaku zalim terhadap Allah dan makhluk-Nya. Perbuatannya itu berdosa dan salah mengikut pandangan ahli ilmu agama.

Untuk memudahkan lagi kefahaman untuk lebih memahami perkara yang terpuji dalam mencari rezeki itu adalah seperti berikut:

1. Melakukan ketaatan kepada Allah dalam mencari rezeki.
2. Memastikan pekerjaan itu mematuhi syariat Allah.
3. Sentiasa berada di atas panduan syariat agama sehingga beroleh sifat warak dalam pekerjaannya yang halal.

Jadi sekiranya dia melaksanakan tiga perkara di atas, maka usaha pencariannya adalah terpuji dan diberikan ganjaran pahala. Ini bermakna pekerjaan yang dia lakukan adalah termasuk di dalam perkara yang dibenarkan oleh Allah.

Pekerjaan yang mulia adalah tingkatan darjat yang disanjungi dan merupakan kedudukan tertinggi dalam kategori pencarian rezeki kerana ianya adalah pekerjaan yang halal untuk menyara tanggungannya. Syariat agama sentiasa menggalakkan umatnya untuk mencari yang halal dan ia juga merupakan satu kefardhuan yang layak diberikan pahala. Bahkan ianya akan menjadi satu dosa sekiranya seseorang itu mengabaikannya.

Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

كَفَى بِالمرءِ إِثمًا أَن يضيع مَن يَعول

Maksudnya:

"Cukuplah seseorang itu berdosa dengan mengabaikan tanggungannya."[1]

Rasulullah ﷺ bersabda lagi:

كُلُّكُم رَاعٍ وَكُلُّكُم مَسئُول عَن رَعِيَّته

Maksudnya:

" Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan kamu akan ditanya tentang apa yang dipimpin oleh kamu."[2]

---

[1] Riwayat Muslim: 996.
[2] Riwayat Al-Bukhari: 299. Muslim: 1826.

Jadi seorang yang memimpin itu wajib melaksanakan tanggungjawab terhadap apa yang telah dipertanggungjawabkan, samada perkara dunia ataupun akhirat.

Apa yang boleh kita fahami disini ialah asal usul pencarian dan perniagaan itu adalah satu perkara yang diharuskan melainkan ianya adalah sesuatu yang dibolehkan atau dilarang oleh agama mengikut tujuan dan kesannya.

PEKERJAAN YANG TERPUJI

Disebutkan dalam satu hadith Nabi Muhammad s.a.w:

مَن طَلَبَ الدُّنيَا حَلَالًا مُكَاثَرا مُفَاخَرًا

لَقِيَ اللهَ وَهُوَ عَلَيهِ غَضبَان،

وَمَن طَلَبَهَا اِستِعفَافًا عَنِ المسأَلَة، وَصِيَانَةً لِنَفسِهِ،

جَاءَ يَومَ القِيَامَة كَالقَمَرِ لَيلَة البدر

Maksudnya:

"Sesiapa mencari harta dunia yang halal berbangga dengan banyaknya hartanya, dia akan bertemu dengan Allah nanti dalam keadaan Allah memurkainya.

Sesiapa mencari harta dunia yang halal kerana untuk mencukupi keperluan kehidupannya dan untuk menyucikan jiwanya (iaitu tidak meminta-minta), dia akan datang pada hari kiamat nanti seperti terangnya bulan purnama di malam hari."[1]

[1] Riwayat musnad Abd bin Humaid (1433) dan musnad Ishak bin Rohawiyah (352) dan diriwayatkan oleh Al-Hakim Al-Tarmizi (27/4) daripada Abu Hurairah.

Jadi ketika kamu hendak pergi kepada perniagaanmu atau tempat di mana ianya adalah sumber pendapatan pencarianmu, maka hendaklah kamu berniat di hati seperti niat-niat di bawah ini:

1. Mencari rezeki yang halal.
2. Mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w.
3. Memelihara diri dari melakukan kejahatan.
4. Menyara keluarga.
5. Mencukupi keperluan daripada meminta-minta.
6. Berakhlak baik dengan orang sekeliling.
7. Menunaikan zakat dan memberikan hak yang sepatutnya kepada mereka yang wajib diberikan hak.

Ganjaran yang Allah akan berikan apabila kita mengamalkan tujuh niat di atas adalah Allah akan menjadikan wajah kita bersinar-sinar seperti purnama ketika bertemu dengan-Nya.

Daripada Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

مَن طَلَبَ حَلَالا اِستِعفَافًا عَنِ المسأَلَة، وَكِدًّا عَلَى عِيَالِهِ

وَتَعَاطُفًا عَلَى جَارِهِ لَقِيَ اللهَ وَجهَهُ كَالقَمَرِ ليلة البدر

Maksudnya:

"Sesiapa mencari rezeki yang halal untuk menahan dirinya dari meminta-minta, menyara keluarganya dan berakhlak baik dengan orang disekelilingnya nanti dia akan bertemu Allah dengan wajahnya bersinar umpama bulan purnama yang terang di malam hari."[1]

8. Bersifat warak dalam perniagaan. Jangan sekali-kali membiarkan setiap pencarian dan keuntungan membawa kamu kepada perkara yang diharamkan Allah ﷻ, sekalipun semua keuntungan dunia mengadap kamu.

9. Ikhlas dalam berkerja dan memberi nasihat kepada mereka yang bergaul denganmu.

10. Berniatlah juga untuk membantu kaum muslimin dengan harta dan perkerjaanmu.

11. Hendaklah sentiasa berzikir kepada Allah ketika berkerja dengan penuh pengharapan kepada Allah.

[1]Hadith riwayat Al-Baihaqi (10374) dan Abd ibn Humaid dalam musnadnya (1433).

Dalam satu hadith Nabi Muhammad s.a.w bersabda:

ذَاكِرَ اللهِ فِي الغَافِلِين بِمَنزِلَة الصَّابِرِ فِي الغَازِين

Maksudnya:

"Orang yang berzikir kepada Allah ketika orang lain sedang leka seperti kedudukan orang yang bersabar dalam peperangan."

PEKERJAAN YANG TERCELA

Sesungguhnya Islam mengajak umatnya berkerja mencari rezeki yang halal. Islam juga membenarkan perniagaan yang berlandaskan syariat serta yang mendatangkan manfaat.

Adapun perniagaan yang memberikan kemudharatan kepada individu atau masyarakat, maka perniagaan seperti itu adalah dilarang dalam agama bahkan hasil rezekinya juga adalah sesuatu yang syubhah atau yang meragukan.

Seperti perniagaan yang dilakukan bersama-sama dengan syarikat rokok, ianya membantu dalam merosakkan orang ramai. Maka ia tidak terlepas daripada perkara syubhah iaitu sesuatu yang dekat dengan perkara haram.

Jadi, sesiapa yang bekerja dan berniaga, atau perkerjaannya menghampiri kepada perkara syubhah maka hendaklah dijauhkan, kerana Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

دِعْ مَا يُرِيبُكَ إِلَى مَا لَا يُرِيبُكَ

"Tinggalkan apa yang meragukanmu kepada yang tidak meragukanmu."[1]

[1] Riwayat Al-Tarmizi dan disohihkan olehnya : 5218. Riwayat Al-Nasaie sanad hadithnya jayyid: 5397.

Sesungguhnya sebahagian para ulamak ada berfatwa bahawa merokok atau sesuatu yang menolong ke arahnya adalah makruh. Bahkan sebahagian besar para ulamak ada berfatwa bahawa ia adalah haram.

Oleh sebab itu, aku menasihatkan kepada semua agar menjauhi sesuatu yang meragukan, yang mengwas-waskan dan yang membahayakan tubuh badan, serta jauhkan diri daripada menceburi perniagaan seperti itu.

Carilah perniagaan yang dibenarkan oleh agama iaitu yang memberi manfaat kepada masyarakat dan membantu mereka dalam beramal soleh.

Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنِ اتَّقَى الشُّبهَات فَقَدِ استَبرأَ لِدِينِهِ وَعِرضِهِ، وَمَن وَقَعَ فِي الشُّبهَات وَقَعَ فِي الحَرَام.

Maksudnya:

"Sesiapa yang menjauhi perkara syubhah maka sesungguhnya dia telah menyucikan agama dan dirinya, sedangkan sesiapa yang masuk ke dalam syubhah maka dia telah masuk ke dalam perkara yang haram."[1]

[1] Riwayat Al-Bukhari : 52. Riwayat Muslim : 1599.

KEHIDUPAN PARA SAHABAT

Sesungguhnya para sahabat Rasulullah ﷺ, mereka adalah sebaik-baik makhluk Allah selepas para nabi. Kisah perjalanan kehidupan mereka adalah sebaik-baik dan semulia-mulia kehidupan. Kedudukan mereka adalah setinggi-tinggi kedudukan sebagaimana sabdaan baginda ﷺ tentang mereka:

لَو أَنفَقَ أَحَدُكُم مِثلُ أُحُد ذَهَبًا مَا بَلَغَ مُدّ أَحَدُهُم وَلَا نَصِيفه،

وَلَو أَنفَقَ أَحُدُكُم مِثلُ الأَرض ذَهَبًا مَا بَلَغَ مُدَ أَحَدُهُم وَلَا

نَصِيفه.

Maksudnya:

"Jika seseorang daripada kamu menginfaqkan emas sebesar gunung uhud, tidak akan menyamai walau secupak atau separuh pun darpadai infaq para sahabat. Dan sekiranya seseorang dari kalian menginfaqkan emas seluas bumi juga tidak akan menyamai walau secupak atau separuhnya dengan infaq para sahabat."

Antara kisah dan keadaan mereka dalam bekerja dan mencari rezeki:

Saidina Abu Bakar As-Siddiq radiyallahu ‘anhu

Beliau adalah seorang sahabat yang dimana pahala sekalian umat muslimin diberikan kepadanya kerana jasa dan keadilannya semasa pemerintahannya. Beliau adalah sebaik-baik makhluk selepas Nabi Muhammad ﷺ dari segi agamanya, pendiriannya pada setiap perbuatannya.

Antara perbuatan beliau selepas menjadi khalifah Rasulullah ﷺ, beliau dilihat oleh kaum muslimin bekerja mencari rezeki untuk ahli keluarganya. Bagi dirinya itu adalah sesuatu kemestian dan tidak boleh ditinggalkan.

Ketika Saidina Abu Bakar As-Siddiq menuju ke pasar untuk berniaga mencari rezeki untuk menyara keluarganya, para sahabat melihatnya lalu menegur:

“Wahai Khalifah Rasulullah kembalilah, sesungguhnya tuan memiliki tanggungjawab orang Islam seluruhnya.”

Maka Saidina Abu Bakar As-Siddiq berkata: “Kaum muslimin telah menetapkan kepadaku tanggungjawab tentang keadaan mereka, lantas keluargaku meredhainya. Jadi aku akan kembali menguruskan tentang urusan kaum muslimin setelah aku menyelesaikan tanggungjawab kepada keluargaku.”

Saidina ‘Umar Bin Al-Khattab Radiyallahu ‘Anhu

Beliau adalah seorang sahabat yang sangat tegas dalam perkara agama, mengutamakan tanggungjawab dan hak setiap orang serta melaksanakan amanah dan tanggungjawab terhadap ahli keluarganya.

Beliau telah menetapkan bahawa seorang khalifah itu perlu mengambil keperluan hidup seadanya untuk ahli keluarga mereka daripada Baitul Mal kerana tanggungjawab yang dipikul oleh khalifah semasa menguruskan hal ehwal orang muslim.

Diriwayatkan bahawasanya beliau ada berkata: “Adakah kamu tahu apakah yang halal bagiku daripada harta ini (iaitu harta Baitul Mal)?"

Beliau berkata: "Ianya adalah dua helai pakaian untuk musim sejuk dan panas, pelana tunggangan dan keperluan seorang lelaki Quraisy, bukan dari kalangan kenamaan dan bukan pula dari kalangan hamba.”

Saidina ‘Umar Al-Faruq juga ada mengatakan: “Demi Allah, aku tidak ketahui adakah ianya halal bagiku atau tidak?!”

Saidina ‘Uthman bin ‘Affan radiyallahu ‘Anhu

Beliau juga seperti dua sahabatnya iaitu Saidina Abu Bakar dan Saidina ‘Umar Al-Khattab Radiyallahu ‘Anhuma. Seorang yang terkenal dengan sifat kelembutan, pemalu, penuh dengan kelebihan dan keberkatan, sangat kuat melaksanakan tanggungjawab serta memiliki dua cahaya mata Saidina Muhammad Sollallahu ‘Alaihi Wasallam.

Beliau juga adalah seorang peniaga yang hebat daripada kalangan para sahabat bahkan dikategorikan antara sahabat yang terkaya. Kisah beliau sangat masyhur tentang kedermawaannya.

****

Saidina Ali Bin Abi Talib Karamallahu Wajhah Wa Radiyallahu ‘Anhu

Beliau juga seperti sahabat-sahabatnya, seorang yang memiliki kelebihan dan kemuliaan, keberanian, keilmuan dan keperibadian yang mulia.

Beliau memiliki dua ekor tunggangan yang digunakan untuk mengangkat air dan melakukan kerja memindahkan atap rumah.

Saidina Abdurrahman bin ‘Auf Radiyallahu ‘Anhu

Ketikamana Saidina Nabi Muhammad ﷺ mempersaudarakan antara Saidina Abdurrahman Bin ‘Auf dengan Saidina ‘Amir bin Ar-Rabie’, Saidina ‘Amir berkata kepada Saidina Abdurrahman:

“Ini hartaku dan aku memiliki dua orang isteri, aku berikan kepadamu separuh hartaku dan engkau pilihlah antara dua isteriku ini akan aku ceraikan dan berikan kepadamu.”

Berkata Saidina Abdurrahman: “Aku tidak memerlukan ini, tunjukkan aku di mana pasar.”

Lalu beliau terus ke pasar untuk berurusniaga di sana dan mendapatkan keperluannya. Sungguh beliau memperolehi apa yang diusahakannya, kerana beliau sangat tahu akan kelebihan dan kemuliaan mencari rezeki serta mengutamakan hasil rezeki yang baik dan tidak ingin rezekinya diperolehi daripada sumber yang diragui. Sudah pastinya beliau melakukan sebegitu kerana beliau adalah sahabat baginda Sollallahu ‘Alaihi Wasallam.

Inilah secebis tauladan para sahabat Rodiyallahu ‘Anhum dalam menunjukkan kemuliaan bekerja dan usaha mendapatkan rezeki. Begitulah juga hal para tabien serta para salafussoleh selepas mereka, semuanya berjalan di atas manhaj para sahabat yang mulia.

Allah berfirman:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ هَدَى ٱللَّهُۖ فَبِهُدَىٰهُمُ ٱقۡتَدِهۡۗ

Maksudnya:

"Mereka itulah orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka ikutilah petunjuk mereka."[1]

[1] Surah Al-An'am: 90.

KUNCI-KUNCI REZEKI DAN SEBAB-SEBAB KEKAYAAN

1. TAKWA DAN ISTIQAMAH

Takwa dan Istiqamah merupakan cara terbaik untuk mendapatkan rezeki, bahkan kedua-duanya itu adalah pemudah kepada segala kesukaran dan kesusahan, berpandukan kepada firman Allah Taala:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّهُۥ مَخۡرَجا،وَيَرۡزُقۡهُ مِنۡ حَيۡثُ لَا يَحۡتَسِبُۚ

Maksudnya:

"Sesiapa yang bertakwa kepada Allah, pasti Allah akan jadikan baginya jalan keluar (dari masalah) dan memberikannya rezeki dari jalan tanpa dia sangka."[1]

Allah Taala berfirman juga:

وَأَلَّوِ ٱسۡتَقَٰمُواْ عَلَى ٱلطَّرِيقَةِ لَأَسۡقَيۡنَٰهُم مَّآءً غَدَقا

[1] Surah Al-Talaq: 2 , 3.

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya kalaulah mereka itu berjalan betul (istiqamah) di atas jalan (Islam) sudah tentu kami (akan memberikan mereka sebab-sebab kemewahan, terutama) menurunkan hujan lebat kepada mereka (sumber rezeki)."[1]

Pengertian istiqamah itu (merujuk ayat di atas) adalah meninggalkan apa yang telah dilarang ke atas kamu dan melakukan apa yang telah diperintahkan ke atas kamu.

Adapun kemaksiatan pula membawa kepada kekufuran dan penghapus kenikmatan.

Benarlah kata-kata penyair:

إِذَا كُنتَ فِي نِعمَةٍ فَارعهَا فَإِنَّ المعَاصِي تُزِيل النِّعَم

Maksudnya:

"Jika kamu berada dalam kenikmatan maka raikanlah dengan kesyukuran,

Kerana seseungguhnya kemaksiatan itu penghapus kenikmatan."

[1] Surah Al-Jin: 16.

Ya, kadang kala kita mendapati bahawa mereka yang kaya raya berseronok dengan kenikmatan sedangkan mereka berada di dalam kemaksiatan. Tetapi ketahuilah bahawa nikmat kekayaan itu tidak kekal lama sehingga mereka akan mendapati di penghujung kehidupannya adalah kesengsaraan.

Ia lebih teruk jika kemaksiatan itu berkait dengan dosa-dosa besar seperti menderhakai ibu bapa, berzina, memakan harta orang lain atau sebagainya.

Keadaan-keadaan sebegini banyak yang telah kita saksikan. Sesungguhnya kehidupan adalah satu pengajaran.

2. SYUKUR

Hakikat kesyukuran itu adalah dengan menzahirkan kegembiran kamu kepada Allah di hati di atas kurnian nikmat pemberian-Nya dan tidak bermaksiat kepada-Nya.

Lidah dan hatimu memperbanyakan kesyukuran dengan mengucapkan "Alhamdulillah".

Allah ﷻ berfirman:

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ

Maksudnya:

"Jika kamu bersyukur pasti Aku akan tambahkan nikmatmu.."[1]

Hadith riwayat Al-Imam Al-Baihaqi dan At-Tobrani:

عَن عَائشةَ رضي الله عنها قَالَت: "دَخَلَ عَلَيَّ النَّبيَ ﷺ فَرَأَى كَسرَةً مَلقَاةً فَمَسَحَهَا فَقَالَ: "يَا عَائِشَة أَحسِنِي جِوار نِعَم الله عَزَّ وَجَلّ فَإِنَّهَا قلّما نَفَرَت عَن أَهل بَيت فَكَادَت أَن تَرجِعَ إِلَيهِم."

[1] Surah Ibrahim: 7.

Maksudnya

Saidatina Aisyah Rodiyallahu 'Anha berkata: "Suatu hari Rasulullah telah masuk ke rumah dan Baginda melihat sepotong makanan terletak di atas tanah. Lantas Baginda mengambil dan mengusapnya lalu bersabda: "Wahai Aisyah, berbuat baiklah terhadap nikmat Allah. Sesungguhnya nikmat itu kalau sudah pergi dari satu keluarga, amat susah untuk ia kembali semula."[1]

Antara doa yang sering dibaca oleh Rasulullah ﷺ :

اللهم أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Maksdunya:

"Ya Allah, bantulah aku untuk sentiasa mengingati-Mu, bersyukur kepada-Mu, bertambah baik dalam beribadah kepada-Mu.[2]

Riwayat daripada Ibnu Abbas r.a.h bahawa Nabi Muhammad ﷺ pernah berdoa:

اللهم إِنِّي أَعُوذُبِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَفَجْأَةِ نَقْمَتِكَ، وَتَحَوُّل عَافِيَتِكَ، وَجَمِيعَ سَخَطِكَ.

---

[1] Riwayat Al-Baihaqi: 4557, At-Tabrani dalam Al-Awsot: 7889.

[2] Riwayat Imam Ahmad, Ibnu Hiban dan Al-Hakim.

Maksudnya:

"Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada kehilangan nikmat dari-Mu, dari kejutan kemarahan-Mu, dari berubah kesejahteraan-Mu, dan dari terkumpul kemurkaan-Mu kepadaku."[1]

Saidina Umar bin Abdul Aziz berkata:

قَيِّدُوا النِّعَم بِالشُّكرِ لله

"Ikatkan nikmat itu dengan kesyukuran kepada Allah."

Imam Al-Hasan Al-Basri berkata:

إِنَّ الله لَيُمَتّع بِالنِّعمَة مَا شَاءَ فَإِذَا لَم يَشكُر قَلَّبَها عَلَيهِم عَذَابًا

"Sesungguhnya Allah mengurniakan kenikmatan kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Sekiranya seseorang itu tidak bersyukur, Allah akan menukarkannya dengan azab."

[1] Riwayat Muslim: 2739.

Telah berkata Muhammad bin Idris:

يُروَى عَن عَلِي أَنَّهُ قَالَ لِرَجُلٍ مِن هَمدَان: "إِنَّ النِّعمَةَ مَوصُولَة بِالشُّكر، وَالشُّكر مُعَلَّق بِالمزِيد مقرونان في قرن فَلَن يَنقَطِع المزِيد مِنَ الله حَتَّى يَنقَطِع الشُّكر مِنَ العَبد."

Diriwayatkan daripada Saidina Ali r.a.h bahawa beliau pernah berkata kepada seorang lelaki yang berasal dari Hamdan: "Sesungguhnya kenikmatan itu sentiasa terikat dengan kesyukuran dan kesyukuran itu pula terikat dengan penambahan. Maka tidak akan terputus penambahan daripada Allah sehinggalah terputusnya kesyukuran daripada seorang hamba itu."

3. AL-QURAN

Antara kunci-kunci pintu rezeki itu adalah dengan memperbanyakkan bacaan Al-Quran.

Dalam satu hadith ada mengatakan:

القُرآن غَنِيّ لا فَقر بَعدَه وَلَا غَنِيّ دُونَه

"Al-Quran itu kaya dan tidak akan fakir selepasnya justeru itu tidak akan kaya seseorang tanpanya."[1]

Hadith daripada Anas bin Malik:

"أَنَّ البَيتَ الَّذِي يُقرَأ فِيهِ القُرآن يُكثر خَيرَه، وَالبَيتَ الَّذِي لَا يُقرَأ فِيهِ القُرآن يَقِل خَيرَه."

"Sesungguhnya rumah yang dibacakan padanya Al-Quran akan bertambah-tambah kebaikan, manakala rumah yang tidak dibacakan padanya Al-Quran semakin sedikit kebaikannya."[2]

---

[1] Riwayat Al-Tabrani.
[2] Riwayat Al-Bazzar.

Jadi untuk pembaca sekalian, di sini penulis sertakan surah-surah yang membantu untuk memperbanyakkan rezeki dan kecukupan harta untuk kita membacanya:

i. SURAH AL-WAQIAH

Surah ini dinamakan dengan surah pembawa kekayaan. Membacanya merupakan cara paling mujarab untuk memperluaskan rezeki.

Riwayat daripada Ibnu Mas'ud r.a.h beliau berkata:

سمعتُ رَسولَ الله ﷺ يَقُول: "مَن قَرَأَ سُورَةَ الوَاقِعَة كُلّ لَيلَةٍ لَم تُصِبهُ فَاقَةً أَبَدًا"

"Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesiapa yang membaca surah Al-Waqiah pada setiap malam dia tidak akan ditimpa kefakiran yang melarat selama-lamanya."[1]

Diriwayatkan bahawasanya ketika mana Abdullah bin Mas'ud r.a.h sakit iaitu sakit yang membawa kepada kematiannya. Saidina Usman bin Affan r.a.h datang menziarahinya dan bertanya:

[1] Riwayat Al-Haris dalam musnadnya: 721.

“Apa yang kamu risaukan?”

Beliau berkata: “Dosaku.”

Saidina Usman bertanya lagi: “Apa yang kamu inginkan?”

Beliau menjawab: “Rahmat Tuhanku.”

Saidina Usman bertanya lagi: “Adakah engkau ingin aku membawakan kepadamu tobib?”

Beliau berkata: “Tobib menambahkan lagi kesakitanku.”

Saidina Usman bertanya: “Tidakkah engkau ingin aku membawakan kepadamu beberapa bentuk pemberian?”

Beliau menjawab: “Aku tidak berhajat kepadanya.”

Saidina Usman menyambung lagi: “Pemberian itu untuk anak-anak perempuanmu selepas ketiadaanmu.”

Beliau berkata: “Adakah kamu risau anak-anakku nanti akan ditimpa kefakiran? Sesungguhnya aku telah menyuruh anak-anak perempuanku agar memperbanyakkan membaca surah Al-Waqiah pada setiap malam kerana aku pernah mendengar Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

"مَن قَرَأَ سُورَةَ الوَاقِعَة كُلّ لَيلَةٍ لَم تُصِبهُ فَاقَةً أَبَدًا"

"Sesiapa yang membaca surah Al-Waqiah pada setiap malam dia tidak akan ditimpa kefakiran yang melarat selama-lamanya."[1]

Riwayat daripada Anas bin Malik r.a.h daripada Rasulullah ﷺ bersabda:

سُورَةُ الوَاقِعَة سُورَة الغَنِي فَاقرَءُوهَا وَعَلِّمُوهَا أَولَادَكم

"Surah Al-Waqiah adalah surah kekayaan maka bacalah ia dan ajarkanlah kepada anak-anak kamu."

Riwayat daripada Saidina Anas bin Malik R.a.h juga:

"عَلِّمُوا نِسَاءَكُم سُورَةَ الوَاقِعة، فَإِنَّهَا سُورَة الغَنِي"

"Ajarilah isteri-isteri kamu surah Al-Waqiah kerana ia adalah surah kekayaan."[2]

---

[1] Riwayat Al-Bayhaqi: 2498 dan kitab Al-Targib wa Al-Tarhib.
[2] Riwayat Al-Daylami dalam musnad Al-Firdaus

Seorang tabien bernama Masruq r.h.m berkata:

مَن سَرَّهُ أَن يعلم عِلمَ الأَوَّلِين وَالآخِرِين فَليُوَاظِب عَلَى سُورَةَ الوَاقِعَة

"Sesiapa yang suka pada dirinya mengetahui ilmu-ilmu orang terdahulu dan akan datang, hendaklah dia selalu membaca surah Al-Waqiah."[1]

Di antara amalan para salafussoleh terdahulu adalah mereka membaca surah ini pada waktu pagi, petang dan ketika hendak tidur. Setelah selesai membacanya, digalakkan berdoa dengan doa seperti berikut:

[1]Riwayat Ibnu Abi Syaibah dalam kitab "Kumpalan Mutiara Hikmahnya".

Doa selepas membaca surah Al-Waqiah:

اللهم صُنْ وُجُوهَنَا بِالْيَسَارِ وَلَا تُهِنَّا بِالْإِقْتَارْ، فَنَسْتَرْزِقَ طَالِبِيْ رِزْقِكْ، وَنَسْتَعْطِفَ شِرَارَ خَلْقِكْ، وَنَشْتَغِلَ بِحَمْدِ مَنْ أَعْطَانَا، وَنُبْتَلَى بِذَمِّ مَنْ مَنَعَنَا، وَأَنْتَ مِنْ وَرَاءِ ذَلِك كُلِّه أَهْل الْعَطَاء وَالْمَنْع، اللهم كَمَا صُنْتَ وُجُوهَنَا عَنِ السُّجودِ إِلَّا لَكْ فَصُنَّا عَنِ الْحَاجَةِ إِلَّا إِلَيك، بِجُودِكَ وَفَضْلكَ وَكَرَمِكَ

يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِين (3x)

اللهم اغْنِنَا بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكْ، وصلى الله على سيدنا مُحَمَّد واله وصحبه وسلم تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

Maksudnya:

"Ya Allah, hiasilah wajah kami dengan kesenangan, janganlah dihinakan dengan kekurangan sehingga kami sanggup meminta rezeki dengan peminta rezeki-Mu dan memohon belas dari makhluk-Mu yang hina sehingga kami sibuk memuji mereka yang memberi pemberian kepada kami dan mencela mereka yang menghalang rezeki kami

sedangkan Engkaulah yang menguasai semuanya, penguasa kepada mereka yang memberi dan menghalang.

Ya Allah sebagaimana Engkau telah sucikan wajah ini dengan tidak menyembah melainkan hanya kepada-Mu, maka sucikanlah ia dari meminta - minta kepada selain-Mu. Dengan kelebihan, kekayaan dan kemuliaan-Mu.

Wahai yang paling pengasih daripada mereka yang mengasihi (ulang sebanyak 3 kali)

Ya Allah kayakanlah aku dengan segala kelebihan-Mu bukan daripada selain-Mu.

Sampaikanlah selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad ﷺ, ahlul bait dan para sahabat Baginda sebanyak-banyaknya."

ii. SURAH TOHA.

Sesiapa yang banyak mengamalkannya dengan membaca ketika terbit fajar setiap hari, paling sedikitpun yang dia akan lihat dari keberkatan surah ini adalah rezekinya akan bertambah setiap hari dengan rezeki yang baru tanpa dia sedari dan hajatnya pada hari itu juga akan diperkenankan.

Fadhilatnya juga seperti yang diketahui ia mampu melembutkan hati, membantu menandingi musuh dan banyak lagi daripada kelebihan dan fadhilatnya.

Ketika surah ini diturunkan berkatalah para malaikat:

طُوبَى لِخَلق نَزَلَت عَلَيهِم هَذِهِ السُّورَة

Maknanya:

"Bergembiralah makhluk bumi kerana telah turun kepada mereka surah ini."

iii. SURAH AL-IKHLAS

Membacanya antara penyebab yang kuat untuk mendapatkan rezeki. Diriwayatkan daripada Jarir bin Abdullah r.a.h berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"مَن قَرَأَ قُل هُوَ الله أَحَد عِندَمَا يَدخُلُ مَنزِله نَفَت الفَقر عَن أَهل ذَلِكَ المنزِل"

"Sesiapa yang membaca Qul huwaallahu ahad ketika masuk ke rumahnya akan dihilangkan kefakiran daripada penghuni rumah itu."

Riwayat dari Sahl bin Sa'ad berkata: "Datang seorang lelaki kepada Rasulullah ﷺ dan mengadu tentang keadaannya yang faqir dan serba kekurangan lantas Baginda Nabi ﷺ bersabda:

"إِذَا دَخَلتَ مَنزِلك فَسَلَّم إِن كَانَ فِيه أَحَدٌ أَو لَم يَكُن فِيهِ أَحَد، ثُمَّ سَلَّم عَلَيّ وَاقرَأ قُل هُوَ الله أَحَد مَرّة وَاحِدة"

"Apabila kamu memasuki rumah kamu maka ucapkanlah salam sekalipun tiada penghuninya. Kemudian berselawatlah ke atasku dan bacalah surah Al-Ikhlas sekali."

Lelaki tadi terus mengamalkannya dan Allah mengurniakan kepadanya rezeki sehingga melimpah-limpah kepada jiran dan kerabatnya.[1]

Riwayat daripada Ibnu Mas'ud r.a.h berkata: "Rasulullah ﷺ bersabda:

"مَن قَرَأَ سُورَةَ قُل هُوَ الله أَحَد حِينَ يَدخُل مَنزِلَه نَفَت الفَقر عن أهل ذلِكَ المنزِل وَالجِيران."

"Sesiapa yang membaca surah Al-Ikhlas ketika hendak masuk ke rumahnya akan dihilangkan dan dijauhkannya kefakiran daripada penghuni rumah dan jiran tetangganya."

Doa yang ma'thur dari golongan salaf terdahulu :

اللهم ارْزُقْنِيْ فِي الْبلَد، بَيْنَ الْأَهْلِ وَالْوَلَد، مِنْ غَيْرِ كَدٍّ وَلا نَكَدْ، بِحَقِّ: قُلْ هُوَاللهُ أَحَد، الله الصمد، لمْ يلد ولم يولد، ولم يكن له كفوا أحد.

[1] Hadith ini dan sebelumnya telah disebutkan di dalam kitab *Abwab Al-Farj* karangan Sayyid Muhammad bin Alawi Al-Maliki. Hadith ini daripada fadhilat amal ianya harus diamalkan seperti yang diketahui.

Maksudnya:

"Ya Allah kurniakanlah aku rezeki dalam negara ini di antara ahli keluarga dan anak-anakku tanpa rasa gelisah dan curiga melalui kemuliaan keberkatan: "Katakanlah Dialah Allah yang maha esa, Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon hajat, Dia tidak beranak dan tidak pula diperanakan, dan tidak ada sesiapapun yang serupa dengan-Nya."

Kelebihan Surah-Surah Al-Quran Terhadap Rezeki

- Surah Al-Hijr:

  Sesiapa yang menulisnya dan menggantungkannya akan diperbanyakkan rezeki dan dimajukan perniagaan serta dia dicintai oleh manusia.

- Surah Al-'Adiyat:

  Sesiapa yang mengalami sakit tangan dan juga hati, tulislah surah ini di satu bekas kemudian padamkan ia dengan air hujan kemudian letakkan sedikit gula dan minum selama tiga hari berturut-turut insyaAllah akan sembuh. Sesiapa yang membacanya ketika kesempitan hidup, Allah akan mengurniakannya rezeki tanpa disangka-sangka.

- Surah Al-Qoriah:

  Antara keistimewaannya adalah mereka yang membacanya dengan izin Allah akan diberatkan neraca timbangannya, begitu juga sesiapa yang membacanya ketika dia merasa kesusahan, Allah akan mendatangkannya rezeki tanpa disangka-sangka.

- Surah Al-Muzammil:

  Di dalam kitab *Bugyatul Muhtaj* ada menyebutkan: "Sesiapa yang ingin melihat Nabi Muhammad ﷺ (dalam mimpi) hendaklah dia membaca surah Al-Muzammil sebanyak empat puluh satu kali, pasti dia terus dapat melihat Baginda ﷺ di dalam mimpinya. Dan sesiapa yang banyak mengamalkannya Allah akan memperluaskan rezekinya.

- Surah Al-Qadr:

  Sesiapa yang membacanya ketika dia memiliki hajat, dengan izin Allah dia akan gembira dengan hajatnya diperkenankan. Sesiapa yang membacanya sekali selepas solat fardhu, Allah akan menghilangkan kegelisahan dan kesedihan daripadanya serta mengurniakannya keberkatan di dalam rumah.

- Surah Quraish:

  Sesiapa yang membacanya akan hilang kegelisahan, kesedihan dan was-was syaitan daripadanya. Sesiapa yang membacanya kepada makanan, Allah akan menghilangkan kemudharatan makanan itu dan merasa aman daripada ketakutan dan kefakiran serta dijauhkan daripada makhluk jahat dan hasutan tipuan mereka.

- Surah Yasiin:

  Satu hadith ada menyatakan: “Surah Yaasiin untuk sesuatu yang dihajatkan, bacalah untuk hajat itu.” Surah Yaasiin adalah jantung Al-Quran bacalah ia walaupun sekali sehari dengan niat agar dikayakan hati atau selainnya. Membacanya sebanyak 41 kali di dalam satu majlis sangat mujarab untuk dikabulkan hajat. Begitu juga membaca surah Al-Mulk, Al-Muzammil, Al-Lail, Asy-Syarh. Datang awal ke masjid selepas azan dan meninggalkan percakapan dunia selepas melakukan witir juga adalah sebab-sebab kekayaan.

- Surah Al-Qadr, Asy-Syarh, Al-Quraish dan Al-Waqiah:

  Antara kunci-kunci rezeki juga adalah membaca surah-surah ini ketika hendak tidur.

- Surah Al-Haqqah:

  Ditulis dengan kayu ‘Ud lalu digantungkan pada tempat perniagaan, dengan izin Allah mereka tidak akan rugi.

- Surah Al-Mursalat:

  Membacanya akan memberikan keamanan terhadap harta benda.

- Surah Al-Mutoffifin:

  Jika dibaca pada bekas penyimpan makanan, dengan izin Allah ia tidak dirosakan oleh binatang.

- Surah Al-Lail:

  Hijab terbesar pada harta benda.

AYAT-AYAT PEMBUKA REZEKI

Ibnu Qutaibah r.h.m berkata: “Seorang lelaki daripada penduduk Mekah pernah berbicara denganku: “Aku ditimpa kesempitan dan kesusahan dalam rezeki. Aku mengadu hal itu kepada seorang lelaki soleh dan meminta nasihat daripadanya. Dia berkata kepadaku: “Tulislah ayat-ayat ini dan gantungkan pada anggota tubuhmu sebelah kanan.”

Ayat-ayatnya:

1. فَعَسَى ٱللَّهُ أَن يَأۡتِيَ بِٱلۡفَتۡحِ أَوۡ أَمۡرٖ مِّنۡ عِندِهِۦ [1]

2. وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلۡغَيۡبِ لَا يَعۡلَمُهَآ إِلَّا هُوَۚ [2]

3. رَبَّنَا ٱفۡتَحۡ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَ قَوۡمِنَا بِٱلۡحَقِّ وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلۡفَٰتِحِينَ ٨٩ [3]

4. وَٱتَّقَوۡاْ لَفَتَحۡنَا عَلَيۡهِم بَرَكَٰتٖ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِ [4]

---

[1] Surah al-Maidah:52.
[2] Surah al-An’am: 59.
[3] Surah al-‘Araf: 89.
[4] Surah al-‘Araf: 96.

5. إِن تَسۡتَفۡتِحُواْ فَقَدۡ جَآءَكُمُ ٱلۡفَتۡحُۖ [1]

6. وَلَمَّا فَتَحُواْ مَتَٰعَهُمۡ وَجَدُواْ بِضَٰعَتَهُمۡ رُدَّتۡ إِلَيۡهِمۡۖ [2]

7. وَٱسۡتَفۡتَحُواْ وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٖ ١٥ [3]

8. وَلَوۡ فَتَحۡنَا عَلَيۡهِم بَابٗا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فَظَلُّواْ فِيهِ يَعۡرُجُونَ [4]

9. قَالَ رَبِّ إِنَّ قَوۡمِي كَذَّبُونِ ١١٧ فَٱفۡتَحۡ بَيۡنِي وَبَيۡنَهُمۡ فَتۡحٗا وَنَجِّنِي وَمَن مَّعِيَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ١١٨ [5]

10. مَّا يَفۡتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحۡمَةٖ فَلَا مُمۡسِكَ لَهَاۖ وَمَا يُمۡسِكۡ فَلَا مُرۡسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعۡدِهِۦۚ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ٢ [6]

11. حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوهَا وَفُتِحَتۡ أَبۡوَٰبُهَا [7]

---

[1] Surah al-Anfal: 19.
[2] Surah Yusuf: 65.
[3] Surah Ibrahim: 15.
[4] Surah al-Hijr: 14.
[5] Surah al-Syu'ara': 117,118.
[6] Surah Fatir: 2.
[7] Surah az-Zumar : 73.

12. إِنَّا فَتَحۡنَا لَكَ فَتۡحٗا مُّبِينٗا ١ [1]

13. فَأَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ عَلَيۡهِمۡ وَأَثَٰبَهُمۡ فَتۡحٗا قَرِيبٗا ١٨ وَمَغَانِمَ كَثِيرَةٗ يَأۡخُذُونَهَاۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمٗا ١٩ [2]

14. فَفَتَحۡنَآ أَبۡوَٰبَ ٱلسَّمَآءِ بِمَآءٖ مُّنۡهَمِرٖ ١١ [3]

15. نَصۡرٞ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَتۡحٞ قَرِيبٞۗ وَبَشِّرِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ١٣ [4]

16. وَفُتِحَتِ ٱلسَّمَآءُ فَكَانَتۡ أَبۡوَٰبٗا ١٩ [5]

17. إِذَا جَآءَ نَصۡرُ ٱللَّهِ وَٱلۡفَتۡحُ ١ [6]

"Lantas aku melakukannya dan Allah membukakan serta memudahkan bagiku pintu rezeki dari sumber yang tidak ku sangka"

Ayat-ayat ini juga sangat memberi manfaat dalam penjagaan harta benda samada ianya dibaca sahaja atau digantung.

Semua amalan ini ditakdirkan dengan izin Allah.

---

[1] Surah al-Fath: 1.
[2] Surah al-Fath: 18,19.
[3] Surah al-Qamr: 11.
[4] Surah al-Sof: 13.
[5] Surah al-Naba': 19.
[6] Surah al-Nasr: 1.

4. ZIKIR

Zikir adalah amalan yang paling dicintai oleh Allah Taala dan ia adalah punca kepada kekayaan jiwa dan harta. Sesungguhnya telah didatangkan kepada kita zikir-zikir tertentu di dalam bahagian ini:-

1.

سُبحَانَ اللهِ وَبِحَمدِهِ سُبحَانَ اللهِ العَظِيم، أَستَغفِرَ الله

Riwayat daripada Ibnu Umar r.a.h bahawa ada seorang lelaki berkata: “Ya Rasulullah sesungguhnya dunia membelakangiku dan berpaling dariku.” Lalu Rasulullah ﷺ bersabda:

"فَأَينَ أَنتَ مِن صَلاة الملائكَةِ وَتَسبِيح الخَلائق وَبِهِ يُرزَقُون، قَبلَ طُلُوع الفَجر سُبحَانَ الله وَبِحَمدِه سُبحَانَ الله العَظِيم أَستَغفِر الله مِائة مَرّة، تأتِيك الدُّنيَا صاغِرة"

“Dimanakah kamu dari zikir para malaikat dan tasbih para makhluk kerana dengan zikir-zikir itu mereka dikurniakan rezeki. Zikirlah sebelum terbit fajar subhanallah wa bihamdih subhanallahil ‘azim astagfirullah sebanyak 100 kali. Dunia akan datang kepada kamu dengan kehinaan.”

Setelah itu lelaki itu pulang ke tempatnya, beberapa hari kemudian dia kembali berjumpa Rasulullah ﷺ dan berkata: “Ya Rasulullah sesungguhnya dunia telah datang mengadapku sehingga aku tidak tahu di manakah harus aku meletakkannya.”[1]

2.

لَا إِلَٰهَ إِلَّا اللهُ المَلِكُ الحَقُّ المبِين

Riwayat daripada Saidina Ali Radiyallahu 'Anhu berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"مَن قَال فِي كُلِّ يَومٍ مِائة مَرة: لَا إِلَٰهَ إِلَّا اللهُ المَلِكُ الحَقُّ المبِين فَإِنَّ لَهُ أَمَانًا مِن الفَقر وَاستَفتَح بِهِ بَاب الغَنِي وَاستَقرَع بِه بَاب الجَنَّة."

“Sesiapa yang berzikir setiap hari 100 kali La ilaha illallahul malikul haqqul mubin. Maka dikurniakan baginya keamanan daripada kefakiran dan dibukakan baginya pintu kekayaan dan pintu syurga.”[2]

Ulamak salaf terdahulu menjadikannya sebagai amalan harian dan menzikirkannya selepas zohor.

3.

---

[1] Riwayat Ibnu Ady dalam kitab al-Kamil: 1/443. Imam al-Zahabi mengatakan dalam al-Mizan ianya hadith batil.

[2] Riwayat al-Dailami dalam musnad al-Firdaus.

لَا حَولَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ العَلِيِّ العَظِيم.

Riwayat daripada Abu Hurairah Radiyallahu 'Anhu berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"مَن أَلبَسَه الله نِعمَةً فَليُكثِر مِن الحَمدِ، وَمَن كَثُرت ذُنُوبه فَليَستَغفِر الله، وَمَن أبطَأ عَلَيه رِزقهُ فَليُكثِر مِن لَا حَولَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ العَلِيِّ العَظِيم."

"Sesiapa yang Allah telah pakaikannya kenikmatan maka perbanyakkanlah menyebut pujian Alhamdulillah, sesiapa yang banyak dosanya maka perbanyakkanlah istighfar dan sesiapa yang dilambatkan ke atasnya rezeki maka perbanyakkanlah menyebut la haula wala quwwata illa billahil 'aliyyil azim."[1]

Riwayat daripada Asad ibnu Wadi'ah, Rasulullah ﷺ bersabda:

مَن قَال لَا حَولَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ العَلِيِّ العَظِيم مِائَة مَرّة فِي كُلِّ يوم لَم يَصِبهُ فَقر أبَدًا

"Sesiapa yang berzikir la haula wala quwwata illa billahil 'aliyyil 'azim sebanyak 100 kali setiap hari, dia tidak akan ditimpa kefakiran selama-lamanya."

4.

[1] Riwayat al-Tobrani dalam al-Sogir: 965.

لا إله إلا الله.

Ini adalah zikir yang paling afdal dan teragung kerana dengan mengalunkannya akan memperbaharui keimanan dan diampunkan dosa serta kesalahan. Sesungguhnya dikatakan, beristiqamah dengan mengalunkan zikir ini dan memperbanyakannya merupakan salah satu penyebab diluaskan rezeki.

Riwayat daripada Abu Hurairah rah berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

مَن قَالَ أَلف مَرَّة لَا إِلَهَ إِلَّا الله عَلَى طَهَارَةٍ فِي صَبِيحَة كُلّ يَومٍ

سَهَّلَ اللهُ لَهُ أَسبَاب الرِّزق

"Sesiapa yang berzikir seribu kali la ilaha illallah dalam keadaan berwudhuk di waktu pagi setiap hari, Allah akan mempermudahkan baginya sebab-sebab datangnya rezeki.[1]

Disebutkan di dalam kitab *Abwabul Farj* (pintu-pintu kelapangan) karangan al-Allamah al-Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki bahawasanya di antara fadhilat zikir La ilaha illallah ialah membuka 99 pintu daripada pintu-pintu rezeki.

[1]Riwayat al-Tarmizi.

5.DOA

Doa merupakan kunci paling ampuh untuk dibukakan pintu rezeki dan melapangkan jalan-jalan kehidupan.

Banyak hadith-hadith Baginda ﷺ yang menganjurkan kepada kita untuk selalu berdoa antaranya:

1. Daripada Jabir bin Abdullah rah berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"أَلَا أَدُلُّكُم عَلى مَا يُنجِيكُم مِن عَدُوِّكُم وَيُدرلَكُم أرزَاقَكُم،

تَدعُونَ الله فِي لَيَلِكُم وَنَهَارِكُم فَإِنَّ الدُّعَاءَ سِلَاحُ المؤمِنِ"

Maksudnya:

"Inginkah aku tunjukkan kepada kamu sesuatu yang boleh menyelamatkan kamu daripada musuh kamu dan mendatangkan rezeki kamu? Berdoalah kepada Allah pada waktu malam dan siang hari kamu kerana doa adalah senjata orang beriman."[1]

[1]Riwayat Abu Ya'la: 1812. Riwayat al-Haithami: 147/10.

2. Daripada Abu Hurairah rah bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

"مَا مِن مُسلِمٍ ينصب وَجهَهُ لله عَزّ وَجَلّ فِي مَسأَلَةٍ إِلَّا أَعطَاه

اللهُ إِيَّاهَا، إِمَّا أَن يُعَجِّلَهَا لَهُ وَإِمَّا أَن يُدَخِّرَهَا"

"Sesiapapun dari kalangan orang Islam mengadapkan wajahnya kepada Allah (berdoa) kerana sesuatu masalah, melainkan Allah akan mengurniakan kepadanya terhadap apa yang dipinta. Samada dipercepatkan permintaannya itu atau dilewatkan.[1]

3. Daripada Salman rah berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"إنَّ الله حييٌّ كَرِيمٌ يَستَحيي إذَا رَفَعَ الرَجل إِليهِ يَدَيه أَن يَرُدهُما

صِفرًا خَائِبَتَين"

"Sesungguhnya Allah itu malu dan sangat pemurah. Dia malu apabila seseorang itu mengangkat tangan (berdoa memohon hajat) dan dikembalikan kepadanya (permintaannya) kosong tidak mendapat apa-apa."[2]

4. Daripada Ibnu Mas'ud r.a.h, Rasulullah ﷺ bersabda:

---

[1]Riwayat Ahmad:9783. Riwayat al-Bukhari dalam Adab al-Mufrad: 711.
[2]Riwayat Abu Daud: 1488. Ibnu Hibban: 886. Abu Ya'la: 4108.

"مَن نَزَلَت بِهِ فَاقَة فَأَنزَلهَا بِالنَّاس لَم تَسُد فَاقَته، وَمَن نَزَلَت بِهِ فَاقة فَأنزَلَهَا بِالله فَيُوشِك الله له بِرِزق عَاجِل أو آجِل"

"Sesiapa yang diturunkan padanya kesusahan lantas dia mengadu kesusahan itu kepada manusia, maka kesusahan itu tidak hilang. Dan sesiapa yang diturunkan padanya kesusahan lantas dia mengadu kepada Allah maka Allah menurunkan baginya rezeki samada cepat atau lambat."[1]

Sesiapa yang suka Allah menerima doanya ketika dia ditimpa kesusahan, maka hendaklah dia memperbanyakkan doa ketika dia berada dalam kesenangan.

Ketentuan Allah tidak boleh ditolak melainkan dengan doa, maka hendaklah kamu memperbanyakkan doa lebih-lebih lagi pada akhir malam, itupun jika kamu mampu dan juga ketika selesai solat fardhu

Ingatlah, di antara adab berdoa itu adalah menghadirkan hati dengan Allah, berwudhuk dan mengadap kiblat.

Jangan sekali-kali kamu merasakan doa itu lambat atau tidak diterima sehingga membuatkan kamu tidak berdoa.

[1]Riwayat Ahmad: 4219. Al-Tarmizi: 2326. Dalam kitab al-Targib wa al-Tarhib: 337/1 ianya sohih.

DOA-DOA KEKAYAAN

1. Rasulullah ﷺ bersabda mafhumnya: “Sesiapa yang inginkan kekayaan selepas kefakiran dan kelapangan selepas kesempitan berdoalah setelah selesai solat jumaat:

يَا غَنِيُّ يَا حَمِيد يَا مُبدِئُ يَا مُعِيد يَا رَحِيمُ يَا وَدُود اِغنِنَا بِحَلَالِكَ

عَن حَرَامِكَ وَبِطَاعَتِكَ عَن مَعصِيَتِكَ وَبِفَضلِكَ عَمّنْ سِوَاك.

Maksudnya:

“Ya Allah zat yang maha kaya, yang maha terpuji, yang maha pencipta, yang maha mengembalikan, yang maha penyayang lagi maha pencinta, kayakanlah kami dengan perkara yang telah Engkau halalkan, bukan dari perkara yang telah Engkau haramkan, kayakanlah kami dengan ketaatan kepada-Mu, bukan dari bermaksiat kepada-Mu, kayakanlah kami juga dengan kurnian-Mu bukan dari selain-Mu

sebanyak 100 kali dari Jumaat kepada jumaat akan datang selama tujuh kali Jumaat. Sesungguhnya Allah akan mencukupkan mereka dengan kurniaan dan kemuliaan-Nya.[1]

[1]Riwayat Ahmad: 1318. Al-Tarmizi: 3563 dan di Hassan hadith ini.

2. Rasulullah ﷺ berdoa dan memohon kepada Allah agar dipermudahkan rezeki, dapat menyelesaikan hutang dan dikurniakan kehidupan yang bahagia, lapang dan baik.

Riwayat daripada Saidatina 'Aisyah Radiyallahu Anha mafhumnya bahawa Rasulullah ﷺ berdoa:

اللّهُمّ اجعَل أَوسَع رِزقِكَ عَلَيَّ عِندَ كِبَر سِنِّي وَانقِطَاع عُمرِي.

Maksudnya:

Ya Allah jadikanlah seluas-luas rezeki-Mu dikurniakan ke atasku ketika umur meningkat dewasa dan hilang kekuatan diriku. [1]

3. Daripada Ummu Salamah Radiyallahu Anha berkata mafhumnya: Rasulullah ﷺ berdoa selepas solat fajar:

اللهم إِنِّيْ أَسْأَلُكَ رِزْقًا طَيِّبًا وَعَلْمًا نَافِعًا وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Maksudnya:

"Ya Allah aku memohon kepada-Mu rezeki yang baik (halal), ilmu yang bermanfaat dan amalan yang diterima."

[1] Riwayat al-Tobrani dalam al-Ausot: 3611.

4. Suatu hari Rasulullah ﷺ masuk ke masjid dan mendapati seorang lelaki dari lelaki Al-Ansor dikatakan namanya Abu Umamah lantas Rasulullah ﷺ menegurnya:

   “Wahai Abu Umamah kenapa aku mendapati kamu berada di masjid selain daripada waktu solat?”

   Abu Umamah menjawab: “Kerisauan sentiasa menyelubungiku begitu juga dengan hutang wahai Rasulullah.”

   Rasulullah ﷺ bersabda: “Tidakkah engkau ingin aku ajarkan satu ayat apabila kamu mengucapkannya maka Allah akan menghilangkan kerisauan darimu dan memudahkan kamu untuk melangsaikan hutang?!”

   Abu Umamah menjawab: “Ya, aku ingin.”

   Rasulullah bersabda: “Ucapkanlah apabila kamu berada pada waktu pagi dan petang:

اللهم إِنِّي أَعُوذُبِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَن وَأَعُوذُبِكَ مِنَ الْعَجْزِ

وَالْكَسَلِ وَأَعُوْذُبِكَ مِنَ الجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَأَعُوْذُبِكَ مِنْ غَلَبَةِ

الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

"Ya Allah aku berlindung dengan-Mu daripada kerisauan dan kesedihan, aku berlindung dengan-Mu daripada kelemahan dan kemalasan, aku berlindung dengan-Mu daripada sifat penakut dan kebakhilan, aku berlindung dengan-Mu daripada dibelenggu hutang dan kekasaran manusia."

Abu Umamah berkata: "Aku melakukannya lantas Allah menghilangkan kerisauan dariku dan memudahkan aku untuk melangsaikan hutang."[1]

5. Al-Imam Al-Ghazali r.h.m di dalam kitab Ihya' Ulumuddin ada menyebutkan satu doa selepas menceritakan satu kisah yang panjang di dalam bab *Amrul Umara' Bil Ma'ruf Wa Nahyuhum 'Anil Munkar* (menyuruh para pemerintah melaksanakan kebaikan dan melarang mereka daripada melakukan kemungkaran). Ia adalah satu doa yang dipanggil dengan doa kelapangan.

   Beliau berkata sesiapa yang berdoa dengan doa ini pada waktu pagi dan petang, dengan izin Allah akan dihapuskan dosanya, mengekalkan kegembiraan di dalam hatinya, dipadamkan kesalahannya, diperkenankan doanya, dilapangkan rezekinya, dikurniakan apa yang diinginkannya, dibantu dalam menangani musuhnya, ditulis di sisi Allah dari kalangan orang-orang Siddiq dan tidak akan meninggal dunia melainkan syahid di sisi-Nya.

[1]Riwayat Abu Daud: 1555.

Doanya seperti berikut:

اللهم كَمَا لَطَفتَ فِي عَظَمَتِكَ دُونَ اللُّطَفَاء ، وَعَلَوتَ بِعَظَمَتِكَ عَلَى العُظَمَاء، وَعَلِمتَ ما تَحتَ أَرضِكَ كَعِلمِكَ بِمَا فَوقَ عَرشِكَ، وَكَانَت وَسَاوِسُ الصُّدورِ كَالْعَلانِيَةِ عِندَك، وَعَلَانِيَةُ القَولِ كَالسِّرِ فِي عِلمِك، وَانقَاد كُلّ شَيءٍ لِعَظَمَتِكَ وَخَضَعَ كُلّ ذِي سُلطَانٍ لِسُلطَانِك، وَصَار أَمر الدّنيَا وَالآخِرَة كُلّه بِيَدِك، إجعَل لِي مِن كُلِّ هَمٍّ أَمسَيتُ فِيهِ فَرجًا،

اللّهُمَّ إن عَفوُكَ عَن ذُنُوبِي، وَتَجَاوَزَكَ عَن خَطِيئَتِي، وَسِترَكَ عَلى قَبِيح عَمَلِي، أطمِعنِي أَن أَسئَلُكَ مَا لَا أَستَوجِبُهُ مِمَّا قَصَرتُ فِيهِ، أَدعُوكَ آمِنًا وَأَسأَلُكَ مُستَأنِسًا، وَأَنَّكَ الْمُحسِن إلَيّ وَأنَا المسِيءُ إلى نَفسِي فِيمَا بَينِي وَبَينَك تَتَوَدَّدُ إلَى بِنِعَمِكَ، وَأتَبَغَّضُ إلَيكَ

بِالْمَعَاصِي، وَلَكِن الثِّقَّةَ بِكَ حَمَلَتنِي عَلى الجَرَاءَةِ عَلَيك، فَعُد بِفَضلِكَ وَإِحسَانِكَ عَلَيَّ إِنَّكَ أَنتَ التَّوَّابُ الرَّحِيم.[1]

Ya Allah sebagaimana Engkau telah berlembut di dalam keagungan-Mu lebih dari sesiapa dan Engkau telah meninggikan dengan penuh keagungan-Mu lebih dari sesiapa dan Engkau mengetahui apa yang ada di bawah bumi-Mu sepertimana pengetahuan-Mu terhadap apa yang ada di atas arash-Mu. Sesungguhnya bisikan hati ini adalah jelas didengari di sisi-Mu dan kejelasan kata-kata itu umpama rahsia dalam pengetahuan-Mu. Setiap sesuatu itu terhina di hadapan keagungan-Mu dan setiap mereka yang mempunyai penguasaan tunduk di hadapan penguasaan-Mu, maka segala sesuatu di dunia dan di akhirat di bawah kekuasaan-Mu. Jadikanlah bagiku ketika aku memasuki waktu petang setiap kerisauan itu menjadi kelapangan. Sesungguhnya pengampuan-Mu mengatasi dosa-dosaku, ketentuan segala kebaikan-Mu mengatasi kesalahanku, perlindungan-Mu mengatasi keburukan amalanku. Penuhilah ya Allah keinginanku untuk aku memohon pada-Mu kesempurnaan terhadap amalan-amalan yang masih belum sempurna aku laksanakan kerana kelalaianku. Aku memohon pada-Mu ketenangan dan kelembutan kerana Engkau banyak melakukan kebaikan padaku sedangkan aku seorang pesalah yang selalu melakukan kesalahan ke atas diriku di

[1]M/s 353 jilid 2 kitab ihya karangan Imam Al-Ghazali.

dalam kenikmatan-Mu. Aku selalu menyebabkan-Mu murka kerana maksiat yang aku lakukan akan tetapi kepercayaan di sisi-Mu telah membawaku untuk kembali kepada-Mu. Maka kembalikanlah kelapangan dan jalan penyelesaian dengan berkat kemuliaan dan kebaikan-Mu kepadaku. Sesungguhnya Engkau adalah yang maha penerima taubat dan maha pengasih.

6. Daripada Abu Musa Al-Asy'ari rah: "Aku datang kepada Rasulullah ﷺ sedang Baginda berwudhuk lantas aku mendengar Baginda berdoa:

اللهم اغفِرلِي ذَنبِي وَوَسِّع لِي فِي دَارِي وَبَارك لِي فِي رِزقِي

"Ya Allah ampunilah dosaku, luaskanlah kediamanku dan berkatilah bagiku dalam rezekiku."

Aku bertanya kepada Baginda ﷺ: "Wahai rasulullah, sesungguhnya aku telah mendengar tuan membaca doa sedemikian." Lantas Baginda ﷺ bersabda: "Adakah kamu melihat doa itu ada meninggalkan sesuatu."[1]

7. Diriwayatkan ada seorang sahabat Rasulullah ﷺ yang selalu lewat dari kalangan sahabat yang lain sehingga Baginda berjumpa dengannya dan bertanya: "Apakah yang selalu membuatkan kamu lewat dari kalangan sahabat yang lain?

   Beliau menjawab: "Kerana sakit dan kefakiran."

[1]Riwayat Al-Tobrani dalam kitab Al-Ausot dan Al-Sogir: 6892.

Baginda ﷺ bersabda: “Inginkah kamu aku ajarkan satu doa di mana Allah akan menghilangkan kesakitan dan kefakiran darimu?”

Beliau menjawab: “Mahu ya Rasulullah.”

Baginda bersabda: “ucapkanlah selalu:

لا حول ولا قوة إلا بالله العليِّ العظِيم تَوَكَّلْتُ عَلى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوت وَالحَمْدُ لله الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيْكٌ فِي الْمُلْك وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الذُّلِ وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًا.

"Tiada upaya dan tiada kekuatan kecuali dengan Allah zat yang maha tinggi lagi maha agung. Aku bertawakal kepada zat yang maha hidup yang tidak akan mati.

Segala puji bagi Allah yang tidak sesekali mengambil teman, juga tidak sesekali mempunyai anak. Tiada bagi-Nya sekutu dalam kerajaan-Nya. Dan tiada bagi-Nya penolong disebabkan sesuatu kelemahannya. Dan hendaklah engkau membesarkan serta memuliakan-Nya dengan bersungguh-sungguh."[1]

[1]Riwayat Abu Ya’la: 6671, Al-Haithami: 258/10.

6. ISTIGHFAR

Istighfar merupakan satu jalan yang membawa kepada kekayaan, mendatangkan keberkatan, melapangkan kesempitan, menjauhkan kefakiran, memanjangkan umur dan menghapus dosa-dosa.

Sesungguhnya Allah ada berfirman di dalam Al-Quran:

فَقُلۡتُ ٱسۡتَغۡفِرُواْ رَبَّكُمۡ إِنَّهُۥ كَانَ غَفَّارٗا ١٠ يُرۡسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيۡكُم

مِّدۡرَارٗا ١١ وَيُمۡدِدۡكُم بِأَمۡوَٰلٖ وَبَنِينَ وَيَجۡعَل لَّكُمۡ جَنَّٰتٖ وَيَجۡعَل

لَّكُمۡ أَنۡهَٰرٗا ١٢

Maksudnya:

10. Maka aku katakan kepada mereka: 'Mohonlah keampunan kepada Tuhanmu, sesungguhnya Dia adalah maha pengampun.

11. Nescaya Dia akan mengirimkan hujan kepadamu dengan lebat (mendatangkan rezeki).

12. Dan memperbanyakkan harta dan anak-anakmu, dan mengadakan untukmu kebun-kebun dan mengadakan (pula di dalamnya) untukmu sungai-sungai.

Surah Nuh: 10 – 12.

Lihatlah bagaimana Allah menyatakan apabila kamu memohon pengampunan kepada-Nya, pasti Dia akan memperbanyakkan harta kamu, iaitu segala yang ada di sisimu akan diperbanyakkan.

Allah taala berfirman dalam surah Hud ayat 3:

وَأَنِ ٱسۡتَغۡفِرُواْ رَبَّكُمۡ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيۡهِ يُمَتِّعۡكُم مَّتَٰعًا حَسَنًا إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمّٗى وَيُؤۡتِ كُلَّ ذِي فَضۡلٖ فَضۡلَهُۥۖ وَإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٖ كَبِيرٍ ٣

Maksudnya:

3. Dan hendaklah kamu meminta keampunan kepada Tuhanmu dan bertaubat kepada-Nya. (jika kamu mengerjakan yang demikian), nescaya Dia akan memberi kenikmatan yang baik (terus menerus) kepadamu sampai kepada waktu yang telah ditentukan dan Dia akan memberikan kepada tiap-tiap orang yang mempunyai keutamaan (balasan) akan keutamaannya.

Adapun hadith Nabi Muhammad ﷺ dan kisah para sahabat berkenaan Istighfar:

1. Daripada Abdullah bin Abbas radiyallahu taala berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

مَن لَزِمَ الإِستِغفَار جَعَلَ اللهُ لَهُ مِن كُلِّ هَمٍّ فَرجًا وَمِن كُلِّ ضِيقٍ مَخرَجًا وَرزقَه مِن حَيثُ لَا يَحتَسِب

"Sesiapa yang melazimi Istighfar, Allah akan jadikan baginya setiap kerisauan itu ada jalan keluar dan setiap kesempitan itu ada kelapangannya dan dikurniakan rezeki dari jalan yang tidak di sangka-sangka."[1]

2. Rasulullah ﷺ bersabda:

مَن قَتّر الله عَليهِ فِي رِزقِه فَليُكثِر مِن الإستِغفَار

"Sesiapa yang rezekinya disedikitkan oleh Allah, maka hendaklah dia memperbanyakkan Istighfar."

[1]Riwayat Abu Daud: 1518. Ibnu Majah: 3817. Riwayat Al-Hakim dan di sohihkannya.

3. Seorang lelaki telah mengadu kelaparan kepada Al-Hasan Al-Basri r.h.m lantas beliau berkata: “beristighfarlah kepada Allah.”

Kemudian datang pula seorang mengadu tentang kefakiran dan kemiskinan, beliau berkata: “Beristighfarlah kepada Allah.

Kemudian datang pula seorang mengadu tentang ketiadaan zuriat. Beliau berkata dengan ayat yang sama kepada dua orang yang sebelum itu: “Beristighfarlah kepada Allah”.

Kemudian beliau membaca ayat Al-Quran surah Nuh ayat 10, 11 dan 12 kepada mereka bertiga:

فَقُلۡتُ ٱسۡتَغۡفِرُواْ رَبَّكُمۡ إِنَّهُۥ كَانَ غَفَّارٗا ١٠ يُرۡسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيۡكُم
مِّدۡرَارٗا ١١ وَيُمۡدِدۡكُم بِأَمۡوَٰلٖ وَبَنِينَ وَيَجۡعَل لَّكُمۡ جَنَّٰتٖ وَيَجۡعَل
لَّكُمۡ أَنۡهَٰرٗا ١٢

Maksudnya:

Maka aku katakan kepada mereka: 'Mohonlah keampunan kepada Tuhanmu, sesungguhnya Dia adalah maha pengampun. Nescaya Dia akan mengirimkan hujan kepadamu dengan lebat (mendatangkan rezeki).

Dan memperbanyakan harta dan anak-anakmu, dan Mengadakan untukmu kebun-kebun Dan Mengadakan (pula di dalamnya) untukmu sungai-sungai.

Antara kelebihan istighfar seperti yang pernah disebutkan oleh Al-Allamah Muhammad bin Ahmad Bafaddal:

مِن فَوَائِد الاستِغفَار مَحو الذُّنُوب وَسِتر العُيُوب وَإِدرَار الأرزاق وَسَلَامَة الخَلق وَالعِصمَة فِي المال وَحُصُول الآمال وجَريَان البركة في الأموال.

"Di antara faedah istighfar adalah menghapuskan dosa, menutupi keaiban, mendatangkan rezeki, selamat dari kejahatan makhluk, perlindungan ke atas harta, mencapai cita- cita dan mengalirnya keberkatan dalam harta."[1]

[1]Daripada kitab *Syarh Tarajim Al-Bukhari*.

7. SELAWAT KE ATAS SAIDINA RASULULLAH ﷺ

Banyak hadith dengan sanad yang kuat memberitahu tentang kelebihan berselawat ke atas junjungan mulia Rasulullah ﷺ. Bahkan dengan berselawat itu juga merupakan sebab-sebab hajat dikabulkan serta memudahkan datangnya rezeki.

Jadi sesiapa yang ingin dicukupkan hajat dan dipermudahkan rezeki hendaklah dia perbanyakkan selawat ke atas Rasulullah ﷺ

Lakukanlah setiap hari tidak kurang dari 300 kali selawat. Lebih daripada itu adalah lebih baik, khususnya pada malam Jumaat dan di pagi harinya.

Riwayat daripada Ubai bin Ka'ab rah berkata mafhumnya: "Wahai Rasulullah ﷺ, Aku disuruh untuk memperbanyakkan selawat, jadi berapa banyakkah selawat kepadamu yang perlu aku lafazkan?

Baginda ﷺ menjawab: "Terserah kepadamu."

Aku bertanya: "Adakah satu perempat daripada hariku?"

Baginda ﷺ menjawab: "Terserah kepadamu. Jika kamu tambah lagi ianya lebih baik untukmu"

Aku berkata lagi: “Adakah sebahagian daripada hariku?”

Baginda ﷺ menjawab: “Terserah kepadamu, jika kamu tambah lagi ianya lebih baik untukmu.”

Aku berkata lagi: “Adakah dua pertiga daripada hariku.”

Baginda ﷺ menjawab: “Terserah kepadamu, jika kamu tambah lagi ianya baik untukmu.”

Aku berkata: “Adakah aku jadikan seluruh hariku dengan berselawat ke atasmu?”

Baginda ﷺ bersabda:

إِذًا تُكفَى هَمّك وَيُغفَر ذَنبَكَ

“Jika begitu, dicukupkan hajatmu dan diampunkan dosamu.”[1]

[1] Riwayat Al-Tirmizi dan disohihkannya: 2457.

Di antara selawat yang pernah diamalkan oleh para ulamak dan mereka merasai fadhilatnya seperti tertunainya hajat dan dipermudahkan rezeki adalah Selawat Al-Munjiyat:

اللهم صَلِّ عَلى سَيِّدِنَا مُحَّد صَلَاةً تُنْجِينَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الأَهْوَالِ وَالآفَات، وَتَقْضِيْ لَنَا بِهَا جَمِيْعِ الْحَاجَات، وَتُطَهِّرُنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئات، وَتَرْفَعُنَا بِها عِندَكَ أَعْلَى الدَّرَجَات، وَتُبَلِّغُنَا بِهَا أقْصى الْغَيَاتِ مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَات، فِي الْحَياةِ وَ بَعْدَ الْمَمَات.

Maksudnya:

Ya Allah limpahkanlah rahmat kepada junjungan kami Nabi Muhammad ﷺ, yang dengan rahmat itu Engkau akan menyelamatkan kami dari semua keadaan yang mendebarkan dan dari semua ujian, yang dengan rahmat itu Engkau akan mendatangkan kepada kami hajat, yang dengan rahmat itu Engkau akan membersihkan kami dari segala keburukan dan kesalahan yang dengan rahmat itu Engkau akan mengangkat kami kepada setinggi-tinggi darjat, yang dengan rahmat itu juga Engkau akan menyampaikan kami kepada kesempurnaan segala kebaikan ketika hidup dan setelah mati.

8. SOLAT

Solat merupakan seagung-agung ibadat dan sebaik-baik ketaatan. Sesiapa yang sentiasa menjaga solatnya, maka Allah akan membuka baginya pintu-pintu rezeki dan dibentangkan kepadanya seluas-luas kenikmatan dan kelebihan seperti dalam firman Allah Taala dalam surah Toha ayat 132:

وَأۡمُرۡ أَهۡلَكَ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱصۡطَبِرۡ عَلَيۡهَاۖ لَا نَسۡـَٔلُكَ رِزۡقٗاۖ نَّحۡنُ

نَرۡزُقُكَۗ وَٱلۡعَٰقِبَةُ لِلتَّقۡوَىٰ ١٣٢

Maksudnya:

"Dan perintahkanlah kepada keluargamu mendirikan solat dan bersabarlah kamu dalam mengerjakannya.Kami tidak meminta rezki kepadamu, kamilah yang memberi rezki kepadamu.dan kesudahan (yang baik) itu adalah bagi orang yang bertakwa."

Solat Dhuha merupakan solat yang memiliki fadhilatnya iaitu penyebab datangnya rezeki bagi mereka yang sentiasa mengamalkannya.

Bilangan rakaat Solat Dhuha yang paling sedikit untuk kita amalkannya adalah dua rakaat dan paling banyak adalah lapan rakaat. Kelebihan solat dhuha sehingga disebut oleh orang arab:

"Tidak ada kefakiran orang yang bersama dengan solat dhuha."

Shaqiq Al-Balkhie Rahimahullah Taala berkata: "Kami meminta lima perkara dan kami dapati ianya ada pada lima perkara:

I. Kami meminta keberkatan dalam rezeki, kami dapati ianya ada pada solat dhuha.

II. Kami meminta cahaya di dalam kubur, kami dapati ianya ada pada solat malam.

III. Kami meminta pertolongan menjawab soalan Malaikat Munkar dan Nakir, kami dapati ianya ada pada memperbanyakkan bacaan Al-Quran.

IV. Kami meminta kemudahan melintasi titian sirat, kami dapati ianya ada puasa dan sedekah.

V. Kami meminta naungan 'arash di hari akhirat, kami dapati ianya ada bermunajat dengan Allah secara bersendirian.

9. SEDEKAH

Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا نَقَصَ مَال مِن صَدَقَةٍ

Maksudya:

"Tidak akan berkurangan harta seseorang yang bersedekah."[1]

Daripada Ibnu Abbas Radiyallahu 'Anhu berkata:

استَعِينُوا عَلَى الرِّزق بِالصَّدَقةِ

Maksudnya:

"Mintalah bantuan ke atas rezeki kamu dengan bersedekah."[2]

---

[1] Riwayat Muslim.

[2] Disebutkan oleh As-Sayuti dalam kitabnya Al-Jamie' Al-Sogir: 987.

10. HUBUNGAN SILATURRAHIM

Ini antara penyebab paling utama dalam mendatangkan rezeki dan melapangkan kehidupan. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik Radiyallahu 'Anhu bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda:

مَن أحَبَّ أن يُبسَطَ لَهُ رِزْقَهُ وَيَنسَأَ فِي أَثَرِهِ فَليَصِل رَحِمَه

Maksudnya:

"Sesiapa yang suka dirinya dilapangkan rezeki dan dipanjangkan umur, maka hendaklah dia menghubungkan silaturrahim."[1]

Daripada saidina Ali Bin Abi Talib Radiyallahu 'Anhu bahawasanya Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

مَن سَرَّه أن يَمُدَّ لَهُ فِي عُمْرِهِ وَيُوسَع لَهُ فِي رِزقِ وَيُدفَع عَنهُ مَيتَة السُّوء فَليَتَّقِ اللهَ وليَصِل رَحِمه

Maksudnya:

"Sesiapa yang suka dirinya dipanjangkan umur, diluaskan rezeki dan dijauhkan daripada kematian yang buruk maka hendaklah dia bertakwa kepada Allah dan menghubungkan silaturrahim."[2]

---

[1] Riwayat Al-Bukhari: 5985, Muslim: 2557.

[2] Riwayat Al-Hakim dan Al-Hafiz Ad-Dumyati telah berkata: "Hadith ini dalam Al-Mutjar: 515. Diriwayatkan juga oleh Al-Bazzar dan perawinya orang yang dipercayai.

11. AKHLAK YANG BAIK

Akhlak yang baik menjadikan seseorang itu memiliki perwatakan yang lemah lembut, berwajah manis, pertuturan yang baik, sentiasa disayangi masyarakat sekeliling dan peribadinya sentiasa disebut-sebut.

Mereka yang memilikinya akan merasakan kesusahannya diringankan, kehinaan dihapuskan, dosanya diampunkan dan keaiban dirinya disembunyikan.

Apabila bertambah baiknya akhlak seorang insan itu maka ramailah yang akan memujinya dan berkuranglah musuhnya serta semakin mudahlah segala perkara yang susah dan semakin lembut jiwa-jiwa mereka yang pemarah.

Manakala sesiapa yang buruk akhlaknya, maka semakin sempitlah rezekinya, orang di sekelilingnya mencemuh dan menghinanya serta pada dirinya sentiasa lesu dan mengeluh.

Orang yang berlemah lembut terhadap masyarakat sekeliling, dia akan bersabar dan merasai perasaan mereka serta beramah mesra dan bercakap baik dengan mereka. Masyarakat akan terpikat dan ingin bersama dengannya serta diperluaskan rezekinya. Orang sebegini akan merasai ketenangan dan kesenangan malah orang di sekeliling sentiasa merasakan kedamaian dan kesejahteraan.

Disebutkan di dalam hadith Baginda Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

حُسن الأخلَاق وَحُسنُ الجوار يعمران الدِّيَار وَيزِيدَان فِي الأعمَار

Maksudnya:

"Akhlak yang baik dan berlaku baik sesama jiran adalah dua perkara yang memakmurkan kediaman dan menambahkan umur (keberkatan).[1]

[1] Riwayat Al-Baihaqi di dalam As-Syu'b: 7969.

12. QANA'AH

"Al-Qana'ah merupakan magnet rezeki"

Kata-kata ini diambil daripada kalam Al-Habib Al-'Allamah Ahmad bin 'Umar bin Zain bin Sumait, kemudian beliau melanjutkan bicaranya dengan berkata:

وَمَفَهُوم ذلك أنَّ الحَرصَ يُبعِد الرِّزق

"*Maksudnya adalah melampau-lampau dalam mengumpul atau mencari rezeki seakan-akan ia tidak cukup, ia menjauhkan dari rezeki."*

Dikatakan oleh para ulamak dalam menyifatkan Al-Qana'ah itu adalah:

قَيِّدُ الموجود وَصَيدُ المفقود

Maksudnya:

"*Al-Qana'ah itu ianya bersifat mengikat sesuatu yang sudah ada dan memburu sesuatu yang tercicir."*

Sifat Qana'ah ialah mencukupkan diri kamu dengan merasa redha terhadap apa yang ada dan menjadikan kerisauan diri sebagai keutamaan untuk persedian hari akhirat.

Ayat ini dihuraikan daripada sabdaan Baginda Nabi Muhammad ﷺ:

مَن كَانت الآخِرة هَمَّه جَعَل اللهُ غَنَاه فِي قَلْبِهِ وَجَمَعَ عَلَيه شَمْله وَأتَتهُ الدُّنيَا وَهِي رَاغِمَة، وَمَن كَانَت الدُّنيَا هَمَّهُ جَعَل الله فَقرَهُ بَينَ عَينَيه وَفَرَّق عَلَيه شَملَه وَلَم يَأتِهِ مِن الدُّنيَا إلَّا مَا قُدِّرَ لَهُ فَلا يُمسِي إلَّا فَقِيرًا وَلَا يُصبِح إلَّا فَقِيرًا وَمَا أقبَل عَبد إلى الله بِقَلبِهِ إلَّا جَعَل اللهُ قُلُوبَ المؤمِنِين تَنقَاد إلَيهِ بِالوَدّ والرَّحمَةِ وَكَان الله إلَيهِ بِكُلِّ خَيرٍ أسرَع.

Maksudnya:

"Sesiapa yang menjadikan akhirat itu keutamaan dan kerisauan bagi dirinya, Allah akan jadikan kekayaan pada hatinya, melengkapkan keperluannya dan akan di datangkan kepadanya dunia sekalipun dia enggan. Dan sesiapa yang menjadikan dunia itu keutamaan dan

kerisauan bagi dirinya, Allah akan jadikan kefakiran di hadapan matanya, dijauhkan dari keperluannya dan dunia tidak akan datang kepadanya melainkan apa yang telah di takdirkan padanya sahaja. Dia tidak akan sampai ke petang hari melainkan dalam keadaan faqir dan tidak akan sampai ke pagi hari melainkan dalam keadaan faqir juga. Tidaklah seorang hamba itu datang kepada Allah dengan sepenuh hatinya melainkan Allah akan jadikan hati sekalian orang mukmin itu datang kepadanya dengan rahmat dan kasih sayang dan Allah akan jadikan pada setiap kebaikan itu datang lebih cepat kepadanya."[1]

Rasulullah ﷺ bersabda:

قَد أفلَحَ مَن أسْلمَ وَرُزِقَ كِفَافًا وَقَنَّعَه الله بِمَا أتَاه

Maksudnya:

"Sesungguhnya telah berjayalah mereka yang telah memeluk agama islam dan dikurniakan rezeki yang cukup dan Allah telah memberikannya sifat qana'ah terhadap apa yang telah di datangkan kepadanya."[2]

---

[1] Riwayat Ibnu Majah: 4105. Al-Tabrani dalam Al-Ausot: 5025. Telah berkata di dalam Majma' Zawaid: pada riwayat itu ada Abu Hamzah Al-Thumali dan dia dhoif.

[2] Riwayat At-Tirmizi: 2348. Ibnu Hibban: 670. Al-Hakim dan disohihkannya: 7149.

13. BERPAGI-PAGIAN DALAM MENCARI REZEKI

Berpagi-pagian dalam mencari rezeki dan menjauhi daripada tidur di waktu pagi adalah dua perkara yang mendatangkan kekayaan.

Rasulullah ﷺ bersabda:

اللهُمَّ بَارِك لِأُمَّتِي فِي بُكُورِهَا

Maksudnya:

"Ya Allah berkatilah bagi umatku pada waktu pagi mereka."[1]

Rasulullah ﷺ bersabda:

بَاكِرُوا فِي طَلَبِ الرِزقِ وَالحَوَائِج فَإِنَّ البُكُورَ بَرَكَةٌ

Maksudnya:

"Berpagi-pagianlah kamu dalam mencari rezeki dan sempurnakanlah hajat kerana padanya ada keberkatan."[2]

---

[1] Al-Haithami 61/4: Diriwayatkan oleh Abdullah bin Ahmad dan Al-Bazzar, pada riwayat hadith ini ada Abdurrahman bin Ishak dan dia dhoif. Al-Munziri telah menyebutkan hadith ini di dalam Al-Targhib wa At-Tarhib: 336/2 dengan riwayat yang banyak kemudian beliau menyatakan dalam banyaknya sanad tadi sebahagiannya menyatakan bertaraf hasan.

[2] Al-Haithami meriwayatkan di dalam Majmu' Al-Zawaid 61/4. Diriwayatkan juga oleh Al-Bazzar dan Al-Tabroni.

Oleh kerana itu, berusahalah wahai saudaraku agar tidak tertidur selepas Solat Subuh sehingga waktu Al-Isyroq. Sesungguhnya dikatakan bahawasanya rezeki itu dibahagi-bahagikan selepas solat subuh.

Golongan salafussoleh (orang-orang soleh terdahulu) telah melarang perbuatan tidur selepas solat subuh[1] dan mereka mengatakan perbuatan sedemikian mewarisi kefakiran dan mereka mendapati ianya benar terjadi.

Maka berpagi-pagian dalam segala pekerjaan itu menzahirkan keberkatan waktu dan dengannya banyak hajat dan keperluan tercapai.

---

[1] Penulis berkata: Ianya berdalilkan daripada hadith baginda ﷺ:

نوم الصبحَة يمنع الرزق

"Tidur pagi mencegah datangnya rezeki."

Hadith ini disebutkan di dalam kitab *Tuhfatul Ahwuzi*: 3391 jilid 4. Riwayat Ahmad daripada Saidina Uthman Radiyallah 'Anhu.

14. TETAMU DAN MEMULIAKAN MEREKA

Saiyyiduna Rasulullah ﷺ bersabda kepada saidina Zubair Radiyallah 'Anhu:

يَا زُبَير إنَّ مَفَاتِيح الرِّزق بِإزاء العرشِ يَنزِل اللهُ لِلعِباد أرزَاقهم

عَلى قَدر نَفَقاتَهُم فَمَن كَثَّر كُثِر لَهُ وَمَن قلّل قلَّلَ لَه

Maksudnya:

"Wahai Zubair, sesungguhnya kunci-kunci rezeki itu di hadapan Arash. Allah menurunkan rezeki kepada hamba-hamba-Nya mengikut kadar nafaqah atau pemberian mereka kepada orang lain. Sesiapa yang memperbanyakkan pemberiannya itu, Allah akan memperbanyakkan baginya rezeki dan sesiapa yang mengurangkannya maka Allah akan mengurangkannya."[1]

[1] Riwayat Ad-Dailami dalam musnad Al-Firdaus: 8569. Telah berkata dalam kitab *Faidul Qadir*: 523/2 pada riwayat hadith ini ada Al-Maradi telah didhoifkan oleh Az-Zahabi.

Saiyiduna Rasulullah ﷺ bersabda:

الضَّيفُ يَأتِي بِرِزقِه وَيَرتَحل بِذُنُوب القَوم يَمحَص عَنهُم ذُنُوبهم

Maksudnya:

"Tetamu datang dengan rezekinya dan pulang dengan penghapusan dosa bagi sesuatu kaum."[1]

[1] Diriwayatkan oleh Ad-Dailami dalam musnad Al-Firdaus: 3836.

AMALAN ORANG-ORANG SOLEH TERDAHULU

1. Berani menceburi bidang perniagaan diikuti dengan tawakal kepada Allah taala adalah salah satu sebab datangnya rezeki. Rasulullah ﷺ bersabda:

التَّاجِر الجبّان مَحرُوم وَالتَّاجِر الجَسُور مَرزُوق

"Peniaga yang penakut akan terhalang daripada mendapat rezeki dan peniaga yang gagah berani akan terus mengecapi rezeki."[1]

2. Meninggalkan maksiat.

Daripada Thauban berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ الرَّجُلَ يَحرُم الرِّزقَ بِالذَّنبِ يُصِيبُه

"Sesungguhnya seorang itu diharamkan rezekinya kerana dosa yang dilakukannya."[2]

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Qaza'ie dalam musnadnya: 243. Ad-Dailami dalam musnadnya: 2447. Disebutkan oleh Al-Munawi dalam Faidul Qadir: 279/3 daripada penghurai Musnad Al-Syihab sesungguhnya dia telah hasankan hadith ini.

[2] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad: 22440, Ibnu Hibban: 872, Al-Hakim: 1814 dan telah disohihkan sanadnya.

3. Memakai cincin berbatu 'Aqiq.

Sayyiduna Rasulullah ﷺ bersabda:

تَخَتَّمُوا بِالعَقِيق فَإِنَّهُ يَنفِي الفَقْرَ

"Pakailah kamu cincin berbatu Akik kerana sesungguhnya ianya menjauhkan kefakiran."[1]

Hadith ini diriwayatkan juga oleh saidina Anas, Umar, Ali dan Aisyah dengan sanad yang berbeza-beza.

4. Membasuh bekas makanan dan membersihkan halaman rumah.

Sayyiduna Rasulullah ﷺ bersabda:

غَسلُ الإِناَء وطَهَارة الفنَاء يُورثان الغنى

"Membasuh bekas makanan yang kotor dan membersihkan halaman rumah akan mewarisi kekayaan."[2]

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Baihaqi: 6357. Dengan lafaz yang lain iaitu:

فَإِنَّهُ مُبَارَك

"Sesungguhnya ia memberikan keberkatan."

Diriwayatkan oleh Ibnu 'Adi: 357/1 dan berkata hadith ini batil dan berkata juga Az-Zahabi dalam kitab Al-Mizan: 283/2 hadith ini Maudu'.

[2] Pentahqiq tidak menjumpai sumber hadith ini.

5. Di antara perkara yang mewarisi kekayaan seperti yang telah dikatakan oleh para ulamak adalah selalu menggunakan siwak atau sugi, kerana dengan keberkatannya dapat membantu dalam memperluaskan rezeki, memperbanyakkan harta dan anak, bahkan jika kerap menggunakannya, ia akan mewarisi kelapangan, kekayaan dan memudahkan datangnya rezeki.

6. Mengembala atau menternak kambing.

Sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

الغَنَمُ بَرَكَةٌ

"Kambing itu ada keberkatan."[1]

Perkara ini sangat ditekankan terutama di zaman kita hari ini. Sekiranya kita ada lebihan makanan dan mendapati tidak ada orang lain yang dapat menghabiskannya lantas membuangnya ke dalam tong sampah. Sesungguhnya perbuatan ini adalah salah satu bentuk kesombongan dan kufur nikmat, dan ditakuti mendapat balasan yang buruk.

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bazzar: 2942. Al-Haithami berkata: "Mereka yang meriwayatkannya adalah mereka yang sohih kecuali Abdullah bin Al-Razi, beliau bertahap Thiqoh.

7. Selayaknya bagi sesiapa yang ingin memasuki rumah hendaklah dia memberi salam dan mengucapkan:

السَّلَامُ عَلَيْنَا مِنْ رَبِّنَا تَحِيَّةً مَنْ عِنْدِ الله مُبَارَكَةً طَيِّبَةً،

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّها النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه،

السَّلَامُ عَلَيْناَ وَعَلى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِين.

Maksudnya:

"Salam kesejahteraan kepada kami dari Tuhan kami, ucapan salam dari Allah yang penuh keberkatan lagi penuh kesucian.

Salam kesejahteraan ke atasmu wahai penghulu Nabi berserta rahmat dan keberkatan Allah ke atasmu.

Salam kesejahteraan kepada kami dan kepada sekalian hamba Allah yang soleh."

Kemudian membaca ayat Al-Kursi dan surah Al-Ikhlas.

Sesiapa yang selalu mengamalkannya, maka Allah akan menjadikannya berkasih sayang di antara ahli rumahnya, dan Allah juga akan melapangkan kehidupannya serta jiran yang berdekatan dengannya.

8. Kitab Ta’lim Al-Mutaalim ada menyebutkan:

"Di antara sebab yang paling kuat datangnya rezeki adalah menunaikan solat dengan penuh keagungan dan kekhusyukan serta tenang melakukan setiap rukun dalam solat, menjaga sunnah-sunnahnya serta menjaga adab-adabnya."

"Tidak lupa juga melaksanakan Solat Dhuha dan membaca surah Al-Waqiah terutama pada waktu malam serta membaca surah Al-Mulk, Al-Muzammil, Al-Lail dan As-Syarh."

"Bersama dengan amalan-amalan tadi selalulah menghadiri masjid sebelum azan setiap kali waktu solat dan sentiasa menjadikan diri dalam keadaan berwudhuk dalam setiap keadaan."

9. Di antara perkara yang pernah disebutkan oleh Al-Imam Al-Haddad di dalam kitab Goyatul Qosdi Wal Murad: “Di antara wasiat yang telah disusunkannya dan ianya mampu mendatangkan rezeki adalah membaca sebanyak 100 kali pada waktu pagi:

سُبْحَانَ اللهِ العَظِيمِ وَبِحَمْدِه

وَلاحول ولا قوة إلا بالله

10. Di antara perbuatan yang menyumbang kepada datangnya rezeki dan keberkatan ialah menyapu halaman rumah di waktu pagi terutama di ruang tamu serta menyalakan lampu sebelum terbenamnya matahari atau sebelum berlabuhnya kegelapan malam.

11. Di dalam kitab *Kunzun Najah Was Surur* ada disebutkan: Antara faedah yang didapati daripada As-Syeikh Ali Al-Ajhuri Rahimahullah Taala seperti yang disebutkan di dalam *Khulasah Al-Asr* adalah bahawasanya sesiapa yang membaca zikir ini:

أحمد رسول الله مُحَمَّد رسول الله

sebanyak 35 kali pada akhir jumaat dari bulan Rejab sewaktu khotib berkhutbah di atas mimbar, insya Allah dia tidak akan terputus dirham dari tangannya pada tahun itu.

12. Di antara perkara yang memberi keberkatan dalam rezeki adalah membasuh tangan sebelum makan. Hadith berkenaan perkara ini sangat banyak disebutkan antaranya

الوُضُوء قَبْلَ الطَّعَام يَنفِي الفَقْر وَبَعْدَهُ يَنفي اللّمم

Maksudnya:

"Berwudhuk sebelum makan menjauhkan kefakiran dan berwudhuk selepas makan menjauhkan bahaya."

Dalam riwayat lain:

يَنفِي الفَقر قَبلَ الطَّعَام وَ بَعْدَه

Maksudnya:

"Berwudhuk sebelum dan selepas makan menjauhkan kefakiran."[1]

Makna hadith ini adalah membasuh kedua-dua belah tangan sebelum dan selepas makan. Bukannya tangan kanan sahaja seperti yang diamalkan oleh kefahaman kita hari ini sedangkan maksud sebenar membasuh itu adalah mengutamakan kebersihan pada setiap perkara.

Perbuatan itu adalah sunnah yang penuh barakah. Jadi amalkan sunnah ini dan ajarkanlah ia kepada ahli keluarga kamu dan orang yang kamu cintai.

13. Mengutip makanan yang terjatuh.

Sesungguhnya ada disebutkan mafhumnya sesiapa yang melakukannya, dia akan hidup dalam kelapangan dan diberikan keafiatan kepada anaknya.

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Qozo'ie: 310. Ad-Dailami: 7238 dengan sanad yang dhoif tetapi di dalam kitab *Faidul Qodir*: 336/6 memiliki syawahid yang banyak sehingga Al-Iraqi berkata: "Hadith ini boleh dikira sebagai hadith Fadail Amal."

Ad-Dailami ada menyebutkan di dalam kitabnya Al-Firdaus dalam satu riwayat:

أَمِنَ مِنَ الفَقرِ وَالبَرَصَ وَالجَذَام وَصَرَفَ عَن وَلَدِه الحَمق

Maksudnya:

"Akan diberikan keamanan dari kefakiran, penyakit kusta dan dijauhkan kebodohan dari anaknya."

14. Di antara amalan yang pernah diamalkan oleh para ulamak terdahulu dan mereka merasai faedahnya, adalah berzikir

حَسْبنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكيل

sebanyak 450 kali. Berdalilkan kepada firman Allah Taala:

ٱلَّذِينَ قَالَ لَهُمُ ٱلنَّاسُ إِنَّ ٱلنَّاسَ قَدْ جَمَعُواْ لَكُمْ فَٱخْشَوْهُمْ

فَزَادَهُمْ إِيمَٰنًا وَقَالُواْ حَسْبُنَا ٱللَّهُ وَنِعْمَ ٱلْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾ فَٱنقَلَبُواْ

بِنِعْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَضْلٍ لَّمْ يَمْسَسْهُمْ سُوٓءٌ وَٱتَّبَعُواْ رِضْوَٰنَ ٱللَّهِ

وَٱللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٍ ﴿١٧٤﴾

Maksudnya:

"(Iaitu) mereka (yang mentaati Allah dan Rasul) ada orang yang mengatakan kepada mereka: "Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka." Maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: "Cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik pelindung. Maka mereka kembali dengan nikmat dan kurnia (yang besar) dari Allah, mereka tidak mendapat bencana apa-apa, mereka mengikuti keredhaan Allah dan Allah mempunyai kurnia yang besar."[1]

15. Daripada Ibnu Mas'ud Radiyallahu 'Anhu berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

إِن أَرَدتَ أن يَأتِيَكَ الرِّزقَ كَالمطَر فَقُل:

"Jika kamu ingin rezeki itu datang kepada kamu seperti hujan yang lebat, ucapkanlah:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيم

لا إله إلا الله المَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِين،

نِعْمَ الْمَوْلى وَنِعْمَ النَّصِير.

[1] Surah Ali Imran: 173 dan 174.

Dan membaca surah Al-Waqiah dan Yasiin pada setiap hari selepas waktu Maghrib.”

Dalam riwayat lain ada disebutkan mafhumnya:

“Sesiapa yang membaca setiap hari sebanyak 100 kali

لا إله إلا الله المَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِين

Allah akan mencukupkannya daripada berlaku kefakiran, memudahkan segala urusannya, pintu syurganya diketuk dan dibukakan baginya segala pintu-pintu rezeki."[1]

16. Dalam satu hadith mafhumnya:

“Apakah yang melarang seseorang, jika dia ditimpa kesusahan dalam kehidupannya untuk dia mengucapkan ketika dia keluar dari rumahnya:

بِسْمِ اللهِ عَلى نَفْسِي وَمَالِي وَدِيْنِي،

اللهَمَّ رَضِّنِي بِقَضَائِكَ وَبَارِكْ لِي فِيْمَا رَزَقْتَنِي حَتِّى لا أُحِبَّ

تَعْجِيل مَا أَخَّرْتَ وَلَا تَأْخِير مَا عَجَّلْتَ.

[1] Tidak dijumpai takhrij hadith ini melainkan ia diriwayatkan oleh Al-Khotib.

Maksudnya:

"Dengan nama Allah ke atas diriku, hartaku dan agamaku. Ya Allah jadikanlah aku redha terhadap ketentuan-Mu dan berkatilah bagiku terhadap apa yang telah Engkau rezekikan kepadaku sehingga aku tidak suka dipercepatkan sesuatu yang telah Engkau tentukan ia lewat dan dilewatkan sesuatu yang telah Engkau tentukan ia cepat."[1]

17. Imam Al-Ghazali Rahimahullahu Taala berkata:

"Sesiapa yang sentiasa mengamalkan membaca ayat ini sebanyak 100 kali pada malam jumaat akan dibukakan baginya segala pintu-pintu rezeki:

لِيُنفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِۦۖ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُۥ فَلْيُنفِقْ مِمَّآ ءَاتَىٰهُ ٱللَّهُۚ لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَآ ءَاتَىٰهَاۚ سَيَجْعَلُ ٱللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ٧

Maksudnya:

"Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekedar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan."[2]

---

[1] Riwayat Al-Baihaqi dalam Asy-Syu'b: 227. Ad-Dailami: 6346.
[2] Surah At-Tolaq: 7

18. Di sebutkan oleh para ulamak bahawasanya nama Allah:

الوَدُودُ الرَّزَّاق

Sekiranya selalu dizikirkan sebanyak 57 kali, maka akan dipermudahkan datangnya rezeki dan mendapat apa yang dia kehendaki.

Begitu juga dengan nama Allah:

المُـقِيت

Kerana sifat Allah itu adalah pencipta Al-Quut dan menghantarkannya ke dalam tubuh badan manusia berupa makanan serta menghantarkannya ke hati manusia berupa makrifat.

Al-Quut itu adalah sesuatu yang cukup untuk menegakkan tubuh badan dan menyempurnakan kekuatan dan ilmu.

19. Sesiapa yang ingin menjual sesuatu dan merasai jualannya itu susah untuk terjual, maka tulislah ayat ini:

وَأَذِّن فِى ٱلنَّاسِ بِٱلْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِن كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

Maksudnya:

"Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, niscaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki, dan menaiki unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh."[1]

Tulislah sebanyak tujuh kali kemudian gantungkannya di rumah atau pada tempat laluan angin. Dengan izin-Nya, Dia akan hantar orang yang memerlukannya kepadamu.

20. Di antara perkara yang mewarisi kefakiran adalah tidak mendoakan kedua ibu bapa.

Daripada saidina Anas Radiyallahu 'Anhu berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

إِذَا تَرَكَ العَبدُ الدُّعَاءَ لِلوَالِدينِ انقَطَعَ عَنه الرِّزق

Maksudnya:

"Apabila seorang hamba itu meninggalkan doa untuk kedua ibu bapa maka terputuslah rezeki daripadanya."[2]

---

[1] Surah Al-Haj: 27.

[2] Diriwayatkan Al-Hakim di dalam kitab Al-Tarikh dan Ad-Dailami di dalam Musnad Al-Firdaus dengan sanad yang dhoif.

CARA MELUNASKAN HUTANG

Rasulullah ﷺ bersabda kepada Saidina Ali Radiyallahu 'Anhu:

يَا عَلي أَلَا أُعَلِّمَكَ كَلِمَات لَو كَانَ عَلَيكَ دَين مِثل جَبل ثُبير أَدَّاه الله عَنكَ، قُل:

"Wahai Ali, inginkah aku ajarkan kepadamu kalimat sekiranya kamu mempunyai hutang sebesar gunung Allah akan menghilangkannya daripada kamu? Ucapkanlah:

اللهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ وَبِطَاعَتِكَ عَنْ مَعْصِيَتِكَ وَبِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاك.

Maksudnya:

Ya Allah cukupkanlah dengan sesuatu yang halal bukan daripada sesuatu yang haram yang telah tetapkan dan cukupkanlah aku dengan melakukan ketaatan kepada-Mu bukan kemaksiatan kepada-Mu serta kurniakanlah kemulian kelebihan-Mu kepadaku bukan daripada selain-Mu.[1]

[1] Riwayat Al-Hakim di dalam Al-Mustadrak: 1973. Ad-Diya' di dalam Al-Mukhtarah: 489. Al-Munziri menyebutkan di dalam At-Targhib Wa At-Tarhib: 280/2 dan ianya diriwayatkan oleh At-Tirmizi serta disohihkannya.

PERKARA-PERKARA YANG MEWARISI KEFAKIRAN

1. Membiarkan kuku yang telah di potong di dalam rumah.
2. Membiarkan sarang labah-labah di dalam rumah tanpa menghilangkannya.
3. Membakar kulit bawang putih dan bawah merah.
4. Tidur meniarap.
5. Duduk di pintu rumah.
6. Duduk di antara dua birai pintu.
7. Bercekak pinggang.
8. Tergesa-gesa keluar dari masjid selepas solat subuh.
9. Melewat-lewatkan balik daripada pasar.
10. Tidur selepas solat subuh.
11. Membeli sisa-sisa barang daripada orang yang meminta-minta (sepatutnya bersedekah kepada mereka).

12. Mendoakan keburukan kepada kedua ibubapa, anak-anak dan penguasa.

13. Membuang air kecil sungai yang mengalir.

14. Mandi janabah di tandas (tempat buang najis.)

15. Makan dengan dua jari.

16. Berjalan di antara sekawan kambing dan di antara dua orang wanita.

17. Berbekam pada hari ke tujuh daripada satu bulan.

18. Sesiapa yang merelakan dirinya dengan meminta-minta, Allah akan membukakan padanya 70 pintu kefakiran.

19. Menguap ketika sedang solat.

20. Mengadap kiblat ketika membuang air kecil dan besar.

21. Menggigit kuku.

22. Membuka aurat di bawah cahaya matahari dan bulan/

23. Meludah di bilik air.

24. Membuang kutu sedang ia masih hidup.

25. Kerap mengusap janggut.

26. Mengukir gigi.

27. Kerap menekan jari sehingga berbunyi.

28. Meletak telapak tangan di atas hidung.

29. Meletak tangan di pipi ketika sedang duduk tanpa keperluan.

Kesemua perkara di atas adalah adab yang perlu di jaga bahkan meninggalkannya itu adalah lebih dituntut. Semua perkara di atas telah dikaji dan diamati oleh para ulamak mengikut penilaian mereka. Allah subhanahu wataala lebih mengetahui hakikat sebenar.

PENUTUP

Penulis mengakhiri perbahasan ini dengan kalam para ulamak dan orang bijaksana yang membicarakan tentang kekayaan dan kefakiran:

- “Kefakiran adalah punca segala bencana dan pembawa kepada kebencian manusia bahkan ia juga menjatuhkan maruah dan menghilangkan perasaan malu. Jadi bilamana ditakdirkan kepada seseorang itu kefakiran, maka hilang daripadanya sifat malu. Sesiapa yang hilang sifat malu, maka hilanglah juga maruahnya. Sesiapa yang hilang maruahnya, dia akan dibenci oleh orang sekeliling. Sesiapa yang telah mendapat kebencian manusia maka dia tidak boleh lari daripada cemuhan mereka. Sesiapa yang telah sampai kepada tahap ini, kata-katanya tidak boleh lagi diterima.”

- Luqman Al-Hakim ada menasihati anaknya dengan berkata:

"Wahai anakku, aku pernah merasai buah yang pahit lantas aku merasai kesabaran. Oleh kerana itu aku tidak pernah melihat sesuatu yang sangat pahit lebih daripada kefakiran. Jika kamu ditimpa kefakiran janganlah engkau bercerita dan meminta-minta kepada manusia agar mereka tidak mengutukmu. Tetapi ceritakanlah dan memintalah pada Allah daripada kelebihan dan kemulian-Nya."

❖ Sang bijaksana menasihati anaknya dengan berkata:

"Wahai anakku, engkau mestilah berusaha mencari harta sekadar harta itu memuliakan jiwamu dan menghinakan musuhmu."

❖ Saidina Abdullah bin Abbas Radiyallahu 'Anhuma berkata:

"Dunia adalah 'afiat. Muda itu menandakan kekuatan. Maruah diraih dengan kesabaran. Kemuliaan diperolehi dengan ketakwaan dan hisab itu berkaitan dengan harta kepunyaan."

❖ Hukama' mengatakan:

"Tidak ada kebaikan pada orang yang tidak mencari harta kerana dengannya dapat membantu untuk menjaga martabat dan maruah serta menghubungkan silaturrahim."

❖ Saidina Abdurrahman bin Auf Radiyallahu 'Anhu berkata:

" Oh alangkah sukanya aku pada harta kerana ia membantuku menjaga maruahku dan mendekatkan diriku kepada Tuhanku."

❖ Sebahagian ulamak terdahulu mengatakan:

“Ibu segala nikmat itu ada tiga:

Pertama: Nikmat Islam iaitu tidak akan sempurna sesuatu nikmat itu kecuali dengan beragama islam.

Kedua: Nikmat kesihatan iaitu tidak akan bahagia kehidupan ini kecuali dengan merasai nikmat kesihatan yang sejahtera.

Ketiga: Nikmat kekayaan iaitu tidak akan sempurna kehidupan itu kecuali dengan kekayaan.”